Sedang Dirancang	—	Istana Raja & Kg. Penajis, Kg. Pilah (Senaling), Kg. Che Abdullah, Mantin Dalam, Kg. Baru (Sunggal Kem), Ujong Pasir, Ampangan, Padang Lebar & Tanjong Keling (Rembau), Ayer Meleleh, Pekan Baru, Pantai, Kg. Teriang (Kuala Klawang) Juasseh Hilir, Gamin, Batu 35 Jalan Bahau, Kg. Baru, Kuala Jemapoh, Kg. Panlang, Kg. Sompong, Tebing Tinggi, Kg. Telir.

MELAKA

- | | | |
|------------------|---|---|
| Siap | — | Bt. Lintang, Solok Ujong, Kg. Sebatu & Pt. Penghulu, Kg. Binjai, Kg. Bahagia, Melaka Pindah, Tiang Dua, Jalan Pantai (Telok Mas), Kg. Bkt. Darat Luar, Batu 7½ Tanjong Keling, Jalan Masjid, Ujong Pasir, Solok Pasir, Paya Rumpit, Jalan Tambak Bongkok, Simpang Kerayong, Batu Gajah (Rumbia), Kg. Pernu Pegoh, Sg. Rambai, Kg. Batang Melaka, Kg. Melekek, Solok Batu Berendam, Jalan Raya Haji, Solok Balek Bukit, Jalan Penghulu, Pantai Rombang, Kg. Sempang (Jasin), Kg. Ayer Selamah, (Masjid Tanah), Kg. Kuala Ina, Pulau Sebang, Solok Mentagor, Kg. Bukit Tembakau, Solok Balek Bukit & Solok Permatang Duyong, Batu 3 Jalan Kelebang Kechil, Kg. Tok Zakaria, Gangsa. |
| Dalam Pembinaan | — | Simpang Empat, Chohong, Kg. Tebong, Solok Permatang Pasir, Solok Permatang Samak, Permatang Serai, Jalan Pantai, (Jasin), Kg. Kesang, Kesang Pajak, Durian Tunggal, Solok Ulu, Paya Rumpit, Serkam Timor, Kg. Hailam, Sg. Baru Tengah, Kg. Ayer Puteh, Sg. Ayer Ulu, Solok Jeram, Solok Kg. Gelam, Kg. Baru On Lok and Kg. Hilir (Jasin). |
| Sedang Dirancang | — | Kg. Ulu (Melaka Pindah), Kg. Chandran, Kg. Tun Abdul Razak, (Bukit Katil), Kuala Linggi, Cherana Puteh, Berisu, Sg. Buloh, Sg. Ragok, Masjid Saga, Ayer Pa'abas & Lendu Hilir, Pereling, Simpang Empat, Solok Kandang, Cheng, Batu 2½ — 2¾ Bachang, Batu 5½ — 5¾ Jalan Alai, Kg. Baru Sahara Desert (Bukit Beruang), Pulau Semut, Solok Duku (Masjid Tanah), Solok Kuala, Sg. Petai Batu 13½, Pantai Peringgit, Batu 20¾ Durian Daun, Simpang Bekoh, Serkam, Jalan Bunga Raya, Tebong, Bukit Godek, Batu 3 Semabok. |

JOHOR

- | | | |
|------------------|---|---|
| Siap | — | Sri Pantai, Kg. Jabi I, Sg. Terap (Muar), Kg. Jorak, Kg. Bukit Hor, Kg. Abong Darat, Kg. Makam, (Kota Tinggi), Kg. Parit Bunga & Tanjong Agas, Minyak Beku, (Batu Pahat), Kg. Bukit Siput, Kg. Kayu Ara Pasong, Kg. Batu 4, Teminin, Kg. Melayu, Ulu Pandan, Kg. Tok Siak, Kg. Jabi II, Kg. Bukit Kechil, Kg. Sialang, Kg. Kangkar Tebrau, Kg. Batu 25 Jalan Johor Bahru, Rimba Terjun/Rumbah, Kg. Jalan Pemuda, Jalan Pengkalan Batu/Jalan Ismail, Kg. Kempas Baharu, Kg. Sawah Datok ke Tenglu, Kg. Tengah (Tangkak), Kg. Api2, Kg. Gemerah, Jalan Muar, Batu 4 Segamat, Pekan Rawang (Muar). |
| Dalam Pembinaan | — | Parit Sakai (Muar). |
| Sedang Dirancang | — | Batu 14—18 Sri Menanti & Sg. Balang (Muar), Kuala Paya, (Segamat), Bentong Dalam (Keluang), Ayer Putri (Mersing), Simpang Lima, (Batu Pahat). |

PAHANG

- | | | |
|-----------------|---|---|
| Siap | — | Kg. Bangau Parit/Kg. Pdg. Tenggara, Tras, Benus, Nenasi, Dong dan Durian Sebatang, Sg. Karang Pantai, Maran, Sg. Mak Dulang (Balok), Sg. Ular, Bkt. Sekilau, Cherating. |
| Dalam Pembinaan | — | Simpang Pelangei, Pulau Tawar, Padang Tengku. |

- Sedang Dirancang — Sanggang, (Temerloh), Budu (Lipis), Kg. Melayu Sempalit, Kuala Tembeling (Jerantut), Permatang Badak, (Kuantan), Ganchong dan Kiambang (Pekan), Jaya Gading, Jalan Durian Sebatang, Dong.

TRENGGANU

- Siap — Binjai Rendah, Merchang, Kg. Rahmat, Wakaf Temecu, Mengabang Talipot, Rawai & Binjai Bongkok, Jalan Gong Tok Masak, Seberang Takir, Bukit Tunggai, Kg. Tok Beng, Kg. Banggol Pauh, Kg. Raja, Kg. Besut dan Besut Kastam.
- Dalam Pembinaan — Gaong, Pulau Rusa, Kuala Bekah, Wakaf Tapai, Atas Tol, Kedai Buloh dan Tok Dir, Batu Rakit & Maras, Ajil, (Kuala Berang).
- Sedang Dirancang — Pulau Duyong, Mak Sara, Gong Hering & Bukit Henak (Besut), Mak Chili, Chukai (Kuala Berang), Seberang Marang, Jalan Pantai, Marang, Kg. Amir-Kg. Alor Lintang termasuk Sekolah Nasiruddin Shah, Seberang Baroh, Chabang Tiga.

KELANTAN

- Siap — Seberang Pasir Mas, Kg. Kedang, Chabang Empat & Mok Sersi, Kg. Tanah Merah, Kg. Pak, Kg. Belukar & Chetok, Kg. Kutan, Wakaf Che Yeh/Padang Enggang, Chabang Empat Pasir Tumbuh/Kg. Parit, Kubang Kerian/Jambatan Gu, Bunut Payong/Bawah Lembah, Kubor Kenali/Chabang Tiga, Pasir Hor, Kg. But, Kg. Dendang, Kg. Tembila, Kg. Padang Pak Amat, Kg. Gasl, Tebing Tinggi & Telok Mitang, Pak Simpoh, Mak Mayong & Kolam, Benut Rendang, Permatang Piah & Pak Badol.
- Dalam Pembinaan — Cherang Ruku.
- Sedang Dirancang — Kg. Estang Merbau, Chat & Mok Feli, (Tumpat), Chabang Tiga (Rekang, Chabang Tiga (Melawi), Surau Repek, Batu 19 Badak dan Padang Churi, Guchil, Sg. Petai, Gong Tapang dan Pulau Lima (Pasir Puteh), Batu Gajah dan Panglima Bayu, Terusan Pasir Tumbuh, Paya Bemban, Jalan Hospital (Kota Bharu) Banir Belikong, Bukit Jawa.



laporan tahunan ke 23

1 HB SEPTEMBER 1971 — 31 HB OGOS 1972



BANGUNAN IBU PEJABAT

lembaga e r'k negara

TANAH MELAYU

KANDUNGAN

	Muka
Lembaga	2.
Pegawai-Pegawai Kerja Utama Lembaga	3-4.
Juruodit-Juruodit Lembaga	5.
Perunding-Perunding Lembaga	
Tugas-Tugas dan Dasar Kewangan Lembaga	6.
Sistem Lembaga	8-10.
Kuasa Untuk Perindustrian	11-12.
Penjanaan Kuasa	13-14
Pembangunan Haidro Letrik	15-16
Penghantaran dan Pengagihan	17-20
Rancangan Pembangunan	21-22
Lapuran-Lapuran Kawasan	23-24
Bekalan Letrik Luarbandar	25-26
Pentadbiran Am	27-30
Analisa Yunit-Yunit Dijual	31-33
Kewangan	34-42
Pentadbiran Ordinan Letrik	43-44

SINGKATAN HURUF—HURUF

L/D	=	Litar Dua
V/T	=	Voltan Tinggi
kV	=	Kilovolta
kVA	=	Kilovolta Ampiar
kW	=	Kilowatt
kWj	=	Kilowatt jam
VR	=	Voltan Rendah

MVA	=	Megavolta Ampiar
MW	=	Megawatt
T/A	=	Talian Atas
PTK	=	Pembawa Talian Kuasa
Penc.	=	Pencawang
B/T	=	Bawahtanah
V	=	Volta

LEMBAGA

PENGERUSI

Y.B. Tan Sri Abdul Aziz bin Zain, P.S.M., D.J.M.K., P.M.K., P.J.K.

TIMBALAN PENERUSI MERANGKAP PENGURUS BESAR

Y.M. Raja Tan Sri Zainal bin Raja Sulaiman, P.S.M., J.M.N., J.P., F.I.E.(M)

AHLI-AHLI

Y.B. Tan Sri Mohd. Noor Tahir Tan, P.M.N., C.W.E., M.P.

Encik P.P. Narayanan

Encik Chan Keong Hon, J.S.M., A.M.N., S.M.S., P.J.K.

Encik Tan Toh Hong, B. Com. (Melb.), F.A.S.A., C.P.A. (M), A.M.B.I.M.

Encik Abdul Razak bin Yusof, S.M.T., J.P.

Encik Mohd. Jumah bin Mat Satir, J.P.

Dr. Nik Hussein bin Abdul Rahman

Encik Lim Sun Hoe

Encik Bhupinder Singh (Hingga 16.1.1972)

Encik Kim Kok Kwang (Hingga 8.11.1971)

Encik Jamil bin Mohd. Jan, K.M.N. (Mulai 16.1.1972)

Tuan Haji Othman bin Abdul Malek, K.M.N. (Mulai 17.1.1972)

TIMBALAN Pengerusi Merangkap Pengurus Besar

Y.M. Raja Tan Sri Zainal bin Raja Sulaiman, P.S.M., J.M.N., J.P., F.I.E.(M)

BAHAGIAN KEJURUTERAAN

Timbalan Pengurus Besar (Kejuruteraan)	— Encik Chan Khee Pok, B.Sc. (Eng.), C. Eng., F.I.E.E., F.I.E.(M)
Ketua Jurutera (Penghantaran & Pembahagian)	— Encik Wong Kin Hong, B.E.E., C.Eng., M.I.E.E., F.I.E.(M)
Ketua Jurutera (Penjanaan Kuasa)	— Encik A. Ramanath, B.Sc.(Eng), C. Eng., F.I.E.E., M.I.Mech.E., F.I.E.(M)
Timbalan Ketua Jurutera (Penjanaan Kuasa)	— Encik M. Rajendra, C. Eng., M.I.E.E., M.I.E.(M)
Timbalan Ketua Jurutera (Jangka, Perlindungan & Pengujian)	— Encik Leong Yoke Kow, B.Sc., C.Eng., M.I.E.E.,
Timbalan Ketua Jurutera (Pembahagian)	— Y.M. Tengku Daud bin Tengku Besar Burhanuddin, P.J.K., D.L.C., M.I.E. (M)
Timbalan Ketua Jurutera (Perancang & Pembinaan)	— Encik Tan Ghee Soon, B.E. (M & E), F.I.E.(M)
Jurutera Pembangunan & Penyelidikan Kanan	— Encik Lee Siaw Phin, B.E., C. Eng., M.I.E.E., M.I.E. (M), M.I.E. (Aust.) (Mulai 25.4.1972)
Ketua Jurutera Awam	— Encik Fong Thin Yiew, B.E., C. Eng., M.I.C.E., M.I.E. (M), M.I.W.E.
Jurutera Kanan (Ibu Pejabat)	— Encik Loong Sow Toong, D.F.H., M.I.E.(M) C. Eng., M.I.E.E.
Pengurus Perniagaan	— Encik Chan Beng Kong, C. Eng., M.I.E.E., M.I.E.(M), M.I.E.(Aust.)
Pengurus-Pengurus Kawasan	— Encik Wong Wai Kheong, C. Eng., M.I.E.E., M.I.E.(M)
	— Encik A. Rajadurai, C. Eng., M.I.E.E., M.I.E.(M)
	— Encik Wan Daud bin Wan Ibrahim, B.Sc.(Eng.), C. Eng., M.I.E.E., M.I.E.(M)
	— Encik Rajinder Singh, C. Eng., M.I.E.E., M.I.E.(M)

PEGAWAI – PEGAWAI KERJA UTAMA LEMBAGA

BAHAGIAN KAKITANGAN

Penolong Pengurus Besar	–	Encik Abu Zarim bin Haji Omar, P.J.K. D.L.C., C. Eng., M.I.E.E., F.I.E.(M)
Penganalisa Pengurusan Kanan	–	Encik Basil Manasseh, C. Eng., M.I.E.E., F.I.E.(M) (Mulai 1hb April 1972)

BAHAGIAN KEWANGAN

Pengawal Kewangan	–	Encik Chan Kai Foo, F.A.S.A.
Ketua Akauntan	–	Encik D.A. Christensen, A.R.M.T.C., A.A.S.A. (Sr) A.C.I.S.

BAHAGIAN PENTADBIRAN

Setiausaha	–	Encik Mohd. Hashim bin Amin
------------	---	-----------------------------

BAHAGIAN PEMERIKSA LETRIK

Ketua Pemeriksa Letrik	–	Encik Lee Siaw Phin, B.E., C. Eng., M.I.E.E., M.I.E.(M), M.I.E.(Aust.) (Hingga 24.4.1972) Tuan Haji Abdul Wahab bin Hassan, D.B.C., F.I.E.(M)
------------------------	---	---

Juruodit-Juruodit Lembaga

SYARIKAT PRICE, WATERHOUSE & CO., KUALA LUMPUR.

SYARIKAT HANAFIAH, RASLAI, MOHAMMAD & PARTIERS, KUALA LUMPUR.

Perunding-Perunding Lembaga

SYARIKAT PREECE, CARDEW & RIDER, BRIGHTON, U.K., DAN KUALA LUMPUR.

SYARIKAT SIR BRUCE WHITE, WOLFE BARRY DAN PARTIERS, LONDON.

SYARIKAT SHAWINIGAN ENGINEERING COMPANY LIMITED, CANADA.

TUGAS - TUGAS DAN DASAR KEWANGAN LEMBAGA

Lembaga mempunyai tugas-tugas berkanun untuk menggalakkan penjanaan tenaga letrik dengan tujuan untuk membangunkan ekonomi Malaysia Barat dan untuk menjamin bekalan tenaga itu dengan harga-harga yang berpatutan. Ia juga mempunyai tugas untuk menasihatkan Y.B. Menteri, yang bertanggungjawab mengenai letrik, atas semua perkara berkaitan dengan penjanaan kuasa dan penggunaannya. Lembaga dikehendaki mengurus dan mengendali pemasangan-pemasangan letrik yang dipindahmilik atau diambil atau ditubuhkan oleh Lembaga. Dalam bidang perundangan, Lembaga telah diberi tugas-tugas untuk mengadakan peraturan-peraturan bagi penjanaan kuasa dan penggunaan tenaga letrik. Untuk membolehkannya menjalankan tugas-tugas itu Lembaga telah diberi hak dengan mempunyai kuasa-kuasa yang luas untuk membina dan mengendalikan talian-talian bekalan dan stesyen-stesyen janaletrik, menjanakuasa dan menjual tenaga letrik dan memperolehi loji janakuasa dan hartabenda.

Adalah menjadi tugas Lembaga sebagai sebuah pertubuhan yang memberi perkhidmatan kepada orang ramai, untuk menentukan yang hasilnya, setelah menyelesaikan semua perbelanjaan termasuk susutan dan bunga atas pokok, digunakan untuk membiayai sebahagian dari rancangan pembangunan pokoknya untuk menghadapi keperluan kuasa letrik yang kian bertambah di negara ini. Kadar-kadar perkembangan yang tinggi di dalam bidang bekalan letrik yang menggunakan banyak modal ini memerlukan penggunaan hampir semua baki hasilnya bagi membiayai rancangan pembangunan pokok.



Pejabat baru, Seremban, Negeri Sembilan.

sistem lembaga

PERANGKAAAN-PERANGKAAAN PENTING

KEUPAYAAN JANAKUASA TERPASANG

HABA	420.0	MW
HAIDRO	265.4	MW
DISEL	39.6	MW

KAWASAN YANG DIBEKALKAN

KE SEBELAS NEGERI-NEGERI
MALAYSIA BARAT KECUALI
PULAU PINANG DAN SEBAHAGIAN
NEGERI PERAK

TALIAN-TALIAN PENGHANTARAN

275	kV.	45.30	batu
132	kV.	584.89	batu
66	kV.	311.13	batu

PENGGUNA-PENGGUNA YANG DIBEKALKAN

KAWASAN TENGAH	160,068
KAWASAN UTARA	153,297
KAWASAN SELATAN	153,257
KAWASAN TIMUR	76,149

VOLTAN PENGGUNA-PENGGUNA YANG DIAKUI

+ 5%	
240V	FASA SATU
- 10%	
+ 5%	
415V	FASA TIGA
- 10%	

HARTA-HARTA TETAP

\$1,138,510,034

PENCAWANG-PENCAWANG

BILANGAN PENCAWANG PENCAWANG 2831
KEUPAYAAN ALATUBAH 3488 MVA

MILIKAN

\$164,719,000 SAHAM-SAHAM BIASA DIPEGANG
OLEH KERAJAAN MALAYSIA

\$3,000,000 SAHAM-SAHAM BIASA DIPEGANG
OLEH KERAJAAN NEGERI PAHANG

KEHENDAK MAKSIMA

RANGKAIAN BARAT 469.63 MW


YUNIT-YUNIT DIJUAL

2,766,366,628 kWj

GRAF BEBAN HARIAN-RANGKAIAN BARAT

MW

470
460
450
440
430
420
410
400
390
380
370
360
350
340
330
320
310
300
290
280
270




12 2 4 6 8 10 12
TENGAH MALAM

TENGAH HARI

TENGAH MALAM

TALIAN-TALIAN PENGHANTARAN




Yang Berlangsung	33kV dan bawah
Dirancangkan	66kV
Atau	132kV dan atas
Sedang Dina	
Talian	
Talian	
PRHEP Bhd.	








STESYEN-STESYEN JANALETRIK YANG UTAMA



kuasa un uk perindustrian



YUNIT-YUNIT YANG DIBEKALKAN KEPADA
PERINDUSTRIAN SEBAGAI % DARIPADA
YUNIT-YUNIT DIJUAL




Kilang Pita Adhesif




Pemandangan Umum

Dalam tahun 1959/60 yunit-yunit yang dijual kepada industri (tidak termasuk perlombongan) ialah 92,557,972 kWj menandakan 17% daripada 544,904,807 kWj jumlah yunit yang di jual. Sejak itu sungguhpun jumlah yunit-yunit yang dijual telah bertambah sebanyak 5 kali ganda ke 2,766,366,628 kWj yunit-yunit yang dijual kepada industri telah bertambah sebanyak 14% kali ganda ke 1,323,272,986 kWj iaitu menunjukkan 47.8% daripada jumlah yunit-yunit yang dijual.



Kilang Pilih Udang



sebuah Limbungan Kapal



Kilang Komponen Letronik


penjanaan kuasa

Stesyen-stesyen janaelektrik haba dan haidro yang disambungkan ke Rangkaian Barat telah menjana sejumlah 2,923,299,007 yunit dalam tahun ini. Ini menunjukkan tambahan sebanyak 15.5% daripada yunit-yunit yang dijana dalam tahun yang lalu. Bagi stesyen-stesyen haba, kecekapan haba pada keseluruhannya atas asas yunit-yunit yang dijana ialah 28.0%

Kerja pembinaan bagi pemasangan yunit-yunit 60MW No. 3 dan No. 4 untuk Peringkat II Stesyen Janaelektrik Tuanku Ja'afar adalah dalam peringkat yang jauh maju. Pembinaan Dandang No. 3 hampir siap manakala Dandang No. 4 telah mencapai kira-kira 60% siap. Alatubah-Alatubah janakuasa dan Alatubah-Alatubah yunit bagi yunit-yunit No. 3 dan No. 4 telah dipasang. Walau bagaimanapun disebabkan kelambatan penghantaran alat-alat berkaitan dengan kontrek tarbin jenarus ulangalik tarikh-tarikh pelancaran yang diulangkaji bagi yunit-yunit No. 3 dan No. 4 adalah dijangka akan ditetapkan masing-masing dalam bulan Jun dan Ogos 1973. Berhubung dengan Peringkat III Stesyen Janaelektrik Tuanku Ja'afar yang melibatkan pemasangan tiga yunit 120 MW, kerja-kerja awam sekarang ini sedang dijalankan.

Tambahan terakhir Stesyen Janaelektrik Sultan Ismail, yang melibatkan pemasangan sebuah yunit 30MW, akan dijuruterakan pada keseluruhannya oleh Jurutera-Jurutera Lembaga. Kerja sekarang ini diteruskan atas persediaan penentuan-penentuan bagi beberapa kontrek.

Kerja pemasangan dua set disel 2,800KW, satu di Kuantan dan yang satu lagi di Kuala Trengganu, sedang dijalankan. Set ketiga 2,800KW yang dipesan untuk Kota Baru, baru sahaja diuji di kilang di Negeri Jepun dan sekarang ini sedang diuruskan untuk dihantar ke tapakbina.





Kerja Penebatan Salur Udara Panas bagi Dandang No. 3 Stesyen Janaelektrik Tuanku Ja'afar, Port Dickson Negeri Sembilan.




Pembinaan Tarbin Janarus Ulangalik No. 3 di Stesyen Janaelektrik Tuanku Ja'afar, Port Dickson, Negeri Sembilan.

PERKEMBANGAN PENJANAAN LETRIK DI MALAYSIA BARAT 1930 - 1972






STESYEN HABA
6,978,100
yunit



STESYEN
HAIDRO
1,721,400
yunit



STESYEN
DISEL
362,700
yunit



DIBELI
333,000
yunit

PURATA YUNIT-YUNIT DIJANA/DIBELI SEHARI



Kerja menanam cerucuk bagi Peringkat Ketiga Stesyen Janaletrik Tuanku Ja'afar, Port Dickson, Negeri Sembilan.



Kerja Pembentung Pam A.P. bagi Peringkat Ketiga Stesyen Janaletrik Tuanku Ja'afar, Port Dickson, Negeri Sembilan.

pembangunan haidro letrik


TEMENGOR, PERAK

Kerja Kontrek Penyiasatan di bawah permukaan tanah yang dijalankan oleh Syarikat Malaysian Soil Investigation terus dijalankan sepanjang tahun ini dan telah siap kira-kira dalam bulan Julai 1972. Adit terowong ujian yang panjangnya kira-kira 410 kaki telah ditebuk di tempat terowong-terowong lencongan yang dicadangkan itu untuk menentukan keadaan batu di situ.

Perunding projek tersebut telah meneruskan kerja terakhir rekabentuk kejuruteraan sepanjang tempoh lapuran ini dan ini telah pun mencapai ke peringkat penyiapan. Dokumen-dokumen kontrek bagi kontrek-kontrek tertentu di bawah projek ini sedang disediakan. Sambil menanti tender bagi Kerja-Kerja Awam dikeluarkan awal tahun 1973, tindakan untuk menentukan kelayakan dan mendaftar semua kontrektor yang berminat di seluruh dunia telah dijalankan.

Kontrek bagi Jalan Masuk ke tapakbina Temengor telah diberikan kepada sebuah firma tempatan di Malaysia dan kerja tapakbina bermula pada bulan Mac, 1972. Pengukuran, pembersihan hutan dan kerja-kerja korekan terus dijalankan.

Kerajaan Negeri Perak telah bersetuju untuk menempatkan semula penduduk Kampung Temengor, yang akan dipindahkan apabila kolamair Temengor ditakung, di kawasan Air Ganda di selatan Grik. Rancangan-rancangan sedang siap diatur untuk memulakan kerja-kerja penempatan semula sebaik sahaja kerja mengeluarkan balak di kawasan Air Ganda siap.




Temengor — Susunan Projek

TEMBELING, PAHANG

Kerja-kerja awal mengenai kemungkinan memajukan rancangan haidro letrik di Sungai Tembeling telah dijalankan dan lapuran awal kemudiannya disediakan. Lapuran ini memberikan kesimpulan bahawa rancangan haidro letrik yang mempunyai keupayaan terpasang hingga 100MW boleh dimajukan di sungai itu kira-kira tiga batu ke hulu dari Kuala Tahan dengan membina sebuah empang dan binaan-binaan berkait. Rancangan ini akan menjana kira-kira 244 juta yunit tiap-tiap tahun. Kolamair yang terbentuk hasil dari rancangan ini boleh direkabentuk untuk memberi sedikit kemudahan bagi mengawal banjir. Juga dinyatakan bahawa rancangan ini boleh membekalkan kuasa dan tenaga dari segi ekonomi ke kawasan Pahang Tenggara.

Berikutan lawatan oleh pasukan dari USSR ke Malaysia, perbincangan-perbincangan yang intensif telah diadakan di antara Lembaga dengan Pegawai-Pegawai Kerajaan dan pakar-pakar USSR mengenai perlunya mengadakan kajian kemungkinan rancangan Tembeling yang akan di jalankan oleh Kerajaan USSR.



Tembeling — Tempat Projek

PENYIASATAN AM TERHADAP PUNCA-PUNCA HAIDRO LETRIK

Penyiasatan-penyiasatan mengenai rancangan haidro letrik yang berkemungkinan dan pengumpulan data haidroloji bagi beberapa rancangan haidro letrik yang berkemungkinan di seluruh Semenanjung Malaysia terus di jalankan dalam tempoh kajian lapuran ini.

penghan aran dan pengagihan

PENGHANTARAN

Bagi tahun berakhir 31hb Ogos, 1972 kehendak maksima Rangkaian Barat Lembaga adalah 469.63MW, yakni tambahan sebanyak 19.9% dari tahun yang lalu.

Pembinaan talian penghantaran litar satu 132kV dari Pencawang Segambut di Kuala Lumpur ke Pencawang-Pencawang 132/11kV di Bentung dan Mentakab telah siap dalam bulan Ogos, 1972 dan Sultan Pahang telah melancarkan bekalan borong ke kedua-dua pekan tersebut pada 18hb Ogos, 1972. Kerja merentang litar kedua di antara Perai, Parit Buntar, Taiping dan Papan telah siap dalam bulan Mei 1972. Di bawah projek yang sama, tambahan-tambahan lapanganswis 132kV di Pencawang-Pencawang Perai, Parit Buntar, Taiping dan Papan telah juga siap dan litar kedua itu telah bertugas dalam bulan Jun 1972.

Rancangan-rancangan telah siap diatur untuk memanjangkan sistem 132kV dari Mentakab ke Kampung Awah dan Kuantan pada penghujung tahun 1974, ke Pekan menjelang pertengahan tahun 1975 dan ke Pelabuhan Air Dalam Tanjung Gelang menjelang tahun 1975. Dari Kampung Awah, adalah juga dirancangan untuk memanjangkan talian 132kV ke Pusat Wilayah Jengka Tigasegi dan Jerantut pada tarikh yang akan ditetapkan kelak.

Di bawah Projek Pembangunan Kuasa Peringkat III, Port Dickson, kontrek telah pun diberi bagi pembekalan dan pembinaan talian-talian litar dua 275kV dari Woh ke Papan dan dari Kuala Lumpur (Selatan) ke Rawang, yang pada mulanya akan bertugas pada tenaga 132kV. Di samping itu, rancangan-rancangan telah pun disusun untuk membina talian-talian litar dua dari Woh ke Kampung Gajah dan Lumut menjelang tahun 1975, Kampung Gajah ke Teluk Anson menjelang tahun 1976 dan dari Majidee ke Kawasan Perindustrian Pasir Gudang di Johor menjelang pertengahan tahun 1976.

Talian-talian penghantaran yang dilancar

	Panjangnya
Litar satu 132kV 0.15kV in. per. Segambut/Bentung	— 34.77 batu
Litar satu 132kV 0.15 in. per. Bentung/Mentakab	— 34.6 batu
Litar kedua 132kV Perai/Papan	— 93.4 batu

Pencawang-pencawang yang dilancar

	Keupayaan
Bentung 132/11kV	1 x 7.5 MVA
Mentakab 132/11kV	2 x 7.5 MVA
Papan 132/66kV	2 x 75 MVA



Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Tenaga, Datuk Haji Abdul Ghani Gilong dan Pengurus Besar, Y.M. Raja Tan Sri Zainal di Upacara Pelancaran bekalan borong ke Bentung dan Mentakab, Pahang.

BEKALAN LETRIK TELAH DIBERI KEPADA BEBERAPA BANGUNAN BERTINGKAT-TINGKAT YANG MEMBERI PEMANDANGAN BANGUNAN YANG LEBIH TINGGI DI DALAM BANDARAYA KUALA LUMPUR



Bangunan UMBC, Kuala Lumpur.



Hotel Hilton, Kuala Lumpur.



Ibu Pejabat Baru Talikom, Kuala Lumpur.

PERISTIWA—PERISTIWA PENTING MENGENAI AKTIVITI—AKTIVITI PENGAGIHAN 1971/72

1. Bangunan Hotel Hilton dan Bangunan 26 tingkat United Malayan Banking Corporation di Kuala Lumpur telah diberi bekalan pada tenaga 11kV.
2. Bekalan borong telah diberi kepada Perak Carbide di Taiping melalui cabang tee dari talian penghantaran 132kV litar dua Perai/Papan.
3. Ketiga-tiga pemasangan pengering padi iaitu Sg. Baru di Kedah dan Herpan dan Koding di Perlis, telah diberi bekalan melalui cabang tee daripada talian-talian 33kV yang ada sekarang.
4. Bekalan tambahan ke Malayawata Steel Bhd. telah siap diberi dengan menanam 965 ela kabel berisi minyak 33kV dari Stesyen Janaletrik Prai.
5. Penukaran sistem pengagihan dari kendalian 6.6kV ke 11kV telah siap dengan menukarkan alatubah-alatubah dari 6.6kV ke 11kV di 24 pencawang.
6. Sepanjang 8,209 ela kabel 11kV telah ditanam untuk membekalkan kawasan perindustrian yang baru di Peramu, Pekan.



Pencawang 30 MVA 33/11 kV sedang dibina di Jalan Ampang, Kuala Lumpur.



Penyambungan Kabel Bawahtanah 33kV

Projek Pengagihan Utama yang dirancang

- | | |
|-------------------|--|
| 1. Kuala Lumpur: | Pencawang 2 x 15 MVA, 33/11kV di Jalan Hang Tuah untuk membekalkan Dewan Bandaraya yang baru, kompleks membelibelah dan kawasan di sekitarnya. |
| 2. Petaling Jaya: | Pencawang 2 x 15 MVA, 33/11kV di Jalan Universiti untuk memperkuatkan sistem 11kV di Petaling Jaya (Utara). |
| 3. Petaling Jaya: | Pencawang 2 x 30 MVA 66/33kV dan 2 x 15 MVA 33/11kV di Taman S.E.A. untuk memperkuatkan sistem 33kV dan 11kV di Petaling Jaya. |
| 4. Kelang: | Pencawang 2 x 30 MVA 132/11kV di Bukit Raja untuk memenuhi beban-beban yang bertambah di Utara Kelang. |

Sesalur Pengagihan Yang Dilancar

Panjangnya


- | | |
|---------------------------|-------------|
| 1. Talian atas 33kV | 8.26 batu |
| 2. Kabel bawahtanah 22kV | 25.08 batu |
| 3. Talian atas 11kV | 22.37 batu |
| 4. Kabel bawahtanah 11kV | 182.90 batu |
| 5. Kabel bawahtanah 6.6kV | 11.61 batu |

Pencawang Pengagihan Yang Dilancar


Keupayaan

- | | |
|--------------------|-------------|
| 1. Pencawang 33kV | 279,200 kVA |
| 2. Pencawang 11kV | 146,022 kVA |
| 3. Pencawang 2.2kV | 29 kVA |

rancaian pembangunan



ngan ngunan



kawasan engah



DAERAH-DAERAH

Kelang
Kuala Lumpur

PETUNJUK

BILANGAN
PENGGUNA



KEUPAYAAN
ALATUBAH

YUNIT DIJUAL




PANJANGNYA SESALUR
VOLTAN TINGGI

HASIL




PANJANGNYA SESALUR
VOLTAN RENDAH



kawasan selatan

DAERAH-DAERAH

Batu Pahat
Johor Baru
Keluang
Melaka
Muar
Seremban




kawasan u ara




DAERAH-DAERAH

Alor Setar
Butterworth
Ipoh
Taiping



kawasan mur



DAERAH-DAERAH

Kota Baru
Kuala Trengganu
Kuantan
Raub

bekalan elektrik luarbandar

Dalam tahun 1971 Lembaga telah bersetuju untuk menyumbangkan satu pertiga daripada kos semua projek bekalan letrik luarbandar yang dikendalikan oleh Lembaga di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Ini adalah dianggap sebagai salah satu daripada sumbangan-sumbangan Lembaga terhadap pembangunan di kawasan-kawasan Luarbandar oleh kerana Lembaga sekarang ini dikehendaki membiayai bahagian yang lebih besar terhadap kerugian-kerugian yang dialami dalam projek-projek bekalan letrik luarbandar.

Selepas dibuat kajian semula mengenai rancangan letrik luarbandar bagi Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975, Kerajaan Persekutuan telah memutuskan untuk menambahkan sumbangannya dari \$15 juta ke \$25 juta di sepanjang tempoh lima tahun. Hasil daripada keputusan tersebut, projek-projek yang pada mulanya dijadualkan dari tahun 1972 ke 1975 telah dibawa ke tahun 1972 dan 1973 dan projek-projek tambahan itu telah di jadualkan untuk dilaksanakan dalam tahun 1973, 1974 dan 1975.








Untuk tahun 1972, sejumlah 260 projek akan dilaksanakan dengan jumlah kos sebanyak \$15.63 juta. Ini termasuk sumbangan sebanyak kira-kira \$6.05 juta dari Kerajaan Persekutuan, \$4.63 juta dari Kerajaan Negeri, \$4.85 juta dari Lembaga dan \$94,000 dari K.E.D. dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang. Adalah dianggarkan sejumlah 24,000 pengguna di 300 buah kampung akan diberi bekalan di bawah projek-projek ini.


Di dalam tempoh kajian lapuran ini sebanyak 4 stesyen luarbandar yang baru telah dilancarkan tetapi 2 stesyen telah ditutup disebabkan penyambungan bekalan borong dan 4 stesyen telah dijual kepada pelesen-pelesen. Dengan yang demikian setakat 31hb Ogos, 1972, Lembaga telah mengendalikan sebanyak 69 stesyen luarbandar dengan jumlah keupayaannya 2168.5kW.



Seorang Pengguna Desa telah bernasib baik menjadi pengguna Lembaga Bil. 500,000 dan telah diberi hadiah sebuah set T.V. baru.

KEMAJUAN BEKALAN LETRIK LUARBANDAR 1957 - 1972

BILANGAN PENGGUNA—PENGGUNA DESA	
	1972 - 149,372
1971 - 125,275	
	1970 - 114,672
1969 - 108,578	
	1968 - 99,236
1967 - 80,929	
	1966 - 68,647
1965 - 62,254	
	1964 - 54,097
1963 - 44,512	
	1962 - 36,619
1961 - 22,005	
	1960 - 14,788
1959 - 11,391	
	1958 - 6,553
1957 - 5,287	

BILANGAN KAMPUNG YANG DIBEKALKAN	
	1972 - 1,766
1971 - 1,441	
	1970 - 1,223
1969 - 1,126	
	1968 - 995
1967 - 810	
	1966 - 671
1965 - 588	
	1964 - 513
1963 - 412	
	1962 - 351
1961 - 206	
	1960 - 145
1959 - 101	
	1958 - 54
1957 - 40	

pen adb'ran am

PERTUKARAN KEMENTERIAN

Lembaga yang dahulunya di bawah kawalan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sekarang ini ditukar di bawah kawalan Kementerian Kerjasama dan Tenaga yang berkuathuasa mulai 1hb Januari, 1972.

HARTABENDA YANG DIPINDAHMILIK DARI JABATAN LETRIK YANG DAHULU

Dalam tahun ini, Persidangan Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri telah melantik Jawatankuasa Khas untuk menimbang tuntutan Lembaga supaya diberi hakmilik-hakmilik kekal bagi tanah-tanah yang dipindahmilik dan diletakkan kepada Lembaga di bawah Seksyen 29 Ordinan Letrik 1949. Seterusnya Jawatankuasa Khas tersebut telah memutuskan untuk mengecyorkan kepada semua Kerajaan Negeri supaya Lembaga diberikan geran untuk selama-lamanya tanpa bayaran premium dan tanpa syarat-syarat nyata dan sekatan-sekatan atas kepentingan tetapi tertakluk kepada bayaran upahukur dan cukai-cukai tahunan. Syarat-syarat pemberian hakmilik yang dicadangkan itu telah diterima oleh Lembaga dan keputusan-keputusan Kerajaan Negeri sedang ditunggu.

KAKITANGAN DAN PERHUBUNGAN KAKITANGAN

Jumlah bilangan kakitangan yang berkhidmat dalam Lembaga pada 31hb Ogos, 1972 ialah seramai 9647 orang yang mengandungi seperti berikut:—

Pegawai-Pegawai Kanan	— Bahagian I	326
Pegawai-Pegawai Teknikal	— Bahagian I hingga IV	1,842
Pegawai-Pegawai Bukan Teknikal		2,084
Kumpulan Perusahaan dan Buruh Kasar		5,395

Kesatuan Pekerja-Pekerja L.L.N. telah diberi pinjaman wang oleh Lembaga sebanyak \$200,000 untuk membina Bangunan Kesatuan di Jalan Riong. Bangunan tersebut hampir siap dan akan diduduki menjelang awal tahun 1973.

KEBAJIKAN

Seberapa yang boleh, Lembaga akan mendapatkan pertolongan doktor-doktor perubatan swasta untuk memberi rawatan perubatan kepada kakitangannya. Bilangan doktor-doktor yang dilantik oleh Lembaga untuk berkhidmat di beberapa daerah adalah 42 orang.

Sukan Tahunan L.L.N. ke 16 di peringkat Persekutuan telah diadakan pada 7hb dan 8hb Julai, 1972. Mereka yang mengambil bahagian telah menunjukkan banyak pembaikan dan Ibu Pejabat telah muncul sebagai Juara Kawasan. Hadiah-hadiah untuk Rumah-Rumah Lembaga yang Bersih telah disampaikan kepada 24 orang Pegawai, 6 dari tiap-tiap kawasan.

Pada 31hb Ogos, 1972, terdapat seramai 2,937 pekerja di dalam Perjawatan Berpencen dan seramai 3,089 orang pekerja menjadi ahli Skim Kumpulan Wang Janda dan Anak Yatim. Keahlian Kumpulan Wang Khairat Kematian Kilat yang ditubuhkan oleh kakitangan sendiri untuk memberi pertolongan sertamerta yang berupa wangtunai kepada janda-janda (atau penerima faedah yang dilantik) telah bertambah dari 4,066 ke 4,458 ahli.

Seramai 973 kakitangan telah mendapat faedah dari Skim Memiliki Rumah dengan Bantuan Lembaga. Semenjak ianya ditubuhkan dalam tahun 1958 pinjaman wang berjumlah \$17,598,069.24 telah diberi di bawah skim itu.

Keahlian Syarikat Kerjasama Jimat Cermat dan Pinjaman Wang, Lembaga Letrik Negara telah bertambah dari 3,448 ke 3,501 dan jumlah yuran yang dibayar pada penghujung tahun kewangan adalah \$4,552,401.00.



D.Y.M.M. Sri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agung telah mengurniakan pingat Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) kepada Pengurus Wokshop, Encik J. Govindasamy.

Dalam tahun ini, penghormatan-penghormatan telah dikurniakan kepada kakitangan Lembaga seperti berikut:—

- (a) D.Y.M.M. Sri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agung dalam Senarai Penghormatan 1972 telah mengurniakan penghormatan-penghormatan berikut:—
 - (i) Encik J. Govindasamy, Pengurus Woksop, Kuala Lumpur telah dikurniakan Pingat Kesatria Mangku Negara (K.M.N.).
 - (ii) Encik Ng Boon Bee, Pembaca Jangka, Ipoh, telah dikurniakan Pingat Ahli Mangku Negara (A.M.N.).
 - (iii) Encik Tan Yee Khan, Pembaca Jangka, Ipoh, telah dikurniakan Pingat Ahli Mangku Negara (A.M.N.).
 - (iv) Encik Vallipuran Henry Kandiah, Pomen Kanan, Kawasan Tengah, Kuala Lumpur telah dikurniakan Pingat Pangkuan Negara (P.P.N.).
 - (v) Encik Mark Rodrigues, Pegawai Penjaga Stor, Sitiawan, telah dikurniakan Pingat Pangkuan Negara (P.P.N.).

- (b) Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak, sempena menyambut hari keputraan Baginda pada 15hb September, 1971, telah mengurniakan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) kepada Encik Ng Boon Bee, Pembaca Jangka, Ipoh; Encik Tan Yee Khan, Pembaca Jangka, Ipoh; dan Encik C. Arasaratnam, Pembaca Jangka, Ipoh.
- (c) Encik R. Venkatachalam, Jurutaip, Batu Pahat, telah dikurniakan Pingat Ismail Sultan (P.I.S.) oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, sempena menyambut hari keputraan Baginda pada 27hb Nobember, 1971.
- (d) Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, sempena menyambut hari keputraan Baginda pada 29hb Mei, 1972 telah mengurniakan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) kepada Encik Ram Singh, Pengurus Daerah, Kuantan; dan Encik Mohamed bin Yaacob, Jaga, Kuantan.
- (e) Duli Yang Maha Mulia Sultan Trengganu, sempena menyambut hari keputraan Baginda pada 26hb Jun, 1972 telah mengurniakan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) kepada Encik Mohamed bin Awang, Juruteknik Rendah (Gred Khas), Pegawai Penjaga Kemaman; Encik Ngah bin Haji Awang, Pembaca Jangka, Kemaman dan Encik K. Sethumathavan, Kerani P.P.L., Kuala Trengganu.

KEPERLUAN—KEPERLUAN TANAH

Dalam tahun ini, notis-notis yang diperlukan oleh peruntukan Ordinan Letrik 1949 telah diserahkan kepada pemilik-pemilik tanah untuk mendapatkan tanah sebagai rezab untuk talian-talian penghantaran yang dicadangkan yang melintasi lebih daripada 144 batu di Selangor, Pahang, Trengganu, Kelantan, Kedah dan Perlis. 166 tapak telah dibeli, dipajak atau diambilbalik untuk kegunaan-kegunaan bangunan pejabat, rumah-rumah Lembaga dan pencawang.

BAHASA MALAYSIA

Laporan-laporan dari beberapa jabatan Lembaga telah menunjukkan bahawa terdapat kegunaan Bahasa Malaysia yang luas di dalam pejabat-pejabat.

PERPUSTAKAAN

Lembaga telah membelanja sejumlah \$36,000 untuk membeli buku-buku baru. Jumlah bilangan buku-buku yang dikatelok pada penghujung tahun kajian laporan ini ialah 3,536 jilid.

LATIHAN

Lembaga telah membelanja sejumlah S\$3.5 juta dalam bentuk latihan dalam tahun kajian laporan ini. Ringkasan latihan yang dirancang adalah seperti berikut:—

Kumpulan Kakitangan	Pada permulaan tahun	Pengambilan dalam tahun	Lulus	Berhenti/ditarik balik	Pada Penghujung tahun
Penuntut-Penuntut Kejuruteraan:					
Luarnegeri	155	41	22	3	171
Malaysia Barat	5	3	2	—	6
Penuntut-Penuntut Maktab Teknik:	49	18	11	—	56
Jurutera-Jurutera Pelajar	21	25	16	3	27
Kedat Pentadbiran	—	2	—	—	2
Akauntan Pelajar	2	1	—	—	3
Pelatih Jurutera Giliran Kerja	10	4	3	—	11
Kedat-Kedat Teknik	21	13	3	3	28
Kedat-Kedat Juruteknik	2	—	1	—	1
Pelatih-Pelatih Operator Bilik Kawalan	2	1	—	—	3
Pusat Perantis					
Perantis-Perantis Lembaga	243	50	49	12	232
Pelbagai					
Pelatih dan Perantis	Kira-kira 200 diberi latihan sepanjang tahun ini				

Tiga orang siswazah telah dibenarkan untuk meneruskan Pengajian-Pengajian lepas siswazah mereka.

Sebagai sebahagian daripada rancangan pembangunannya, Lembaga telah juga menganjurkan pegawai-pegawainya yang sedang berkhidmat untuk mengikuti Kursus-Kursus pendek dan seminar-seminar di dalam dan di luarnegeri seperti berikut:—

Latihan	Kumpulan Kakitangan	Bilangan diberi Latihan
Dalam Lembaga:		
Kursus-Kursus Pengeranian	Kakitangan Pengeranian	15
Di Yayasan Dalamnegeri:		
Yayasan Pengurusan Malaysia	Pegawai-Pegawai Kanan	62
Pusat Daya Pengeluaran Negara	Pegawai-Pegawai Kerja Kesatuan	5
Sekolah Latihan Jasmani	Pelatih-Pelatih	10
Di Luarnegeri:		
Seminar-seminar, simposium dan lawatan sambil belajar	Pegawai-Pegawai Kanan	25
Pengajian-Pengajian Lepas Siswazah di Universiti-Universiti	Pegawai-Pegawai Kanan	3

Kemudahan-kemudahan latihan industri telah juga diberi kepada penuntut-penuntut Universiti-Universiti dan Maktab-Maktab termasuk juga kakitangan-kakitangan Kerajaan dan lain-lain badan:—

Jenis Latihan	Kumpulan Kakitangan	Bilangan
Latihan Industri	Jurutera dan Juruteknik	12
Latihan semasa cuti	Penuntut-Penuntut dari Universiti-Universiti dan Kolej-Kolej	31
Latihan Industri	Mahasiswa	3

SKIM BIASISWA DAN TABUNG PINJAMAN LEMBAGA

Sebagai lanjutan kepada skim biasiswa yang ada sekarang, Lembaga telah mengadakan Skim Biasiswa dan Tabung Pinjaman dengan Tabung Pusingan sebanyak \$2 juta untuk menolong penuntut-penuntut meneruskan pengajian-pengajian mereka ke peringkat-peringkat menengah atas dan universiti.

Sejumlah 66 pinjaman telah diluluskan di sepanjang tahun ini dengan jumlah wang yang dianggarkan sebanyak \$119,000.

Pecahan kursus-kursus adalah seperti berikut:—

Kejuruteraan	—	32	Ekonomi dan Perakaunan	—	26
Sains	—	5	Undang-Undang	—	1
Perangkaan	—	2			

PERHUBUNGAN AWAM

Beberapa persidangan akhbar telah diadakan untuk Pengerusi, Pengurus Besar dan lain-lain pegawai kanan Lembaga untuk menyampaikan berita kepada orang ramai dan juga memberitahu mereka tentang hal ehwal Lembaga. Liputan berita tersebut telah diberi melalui sebaran am tempatan. Sebuah risalah bertajuk "Pembukaan Rasmi Pejabat L.L.N. baru di Seremban" telah juga dikeluarkan untuk diedarkan kepada orang ramai, sekolah, pejabat-pejabat Kerajaan, pertubuhan-pertubuhan swasta dan pejabat kedutaan Malaysia di luar negeri.


Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Tenaga, Datuk Haji Abdul Ghani Gilong yang telah menyandang jawatan awal tahun 1972, telah melawat Ibu Pejabat dan semua kawasan Lembaga dalam tempoh kajian lapuran ini.

Tiga buah pejabat baru Lembaga telah dibuka dengan rasminya di Seremban, Alor Setar dan Teluk Anson dalam tempoh kajian lapuran ini. "Wisma Raja Zainal", sebuah pusat penuntut yang dinamakan sempena nama Pengurus Besar, telah dibuka dengan rasminya di Brighton, United Kingdom dalam bulan Julai 1972.

Lembaga telah mengambil bahagian di dalam beberapa pameran yang diadakan di dalam negeri. Pameran yang terbesar adalah Pameran Perdagangan yang dianjurkan oleh Persatuan Pengguna-Pengguna Selangor dan EXPO 72 yang dianjurkan oleh Dewan Perniagaan Melayu Selangor. Lapan lagi pameran yang kecil yang diambil bahagian oleh Lembaga juga telah diadakan di seluruh negara.

Untuk pertama kalinya Lembaga telah menganjurkan rancangan Ilmu Hisab melalui TV Malaysia sebanyak 26 siri untuk kemudahan penuntut-penuntut sekolah menengah aliran Melayu. Rancangan yang di dalam Bahasa Malaysia itu telah disiarkan buat pertama kalinya pada 11hb Jun, 1972.

Lembaga terus menjadi Setiausaha dan Bendahari kepada Jawatankuasa Kebangsaan Persidangan Tenaga Sedunia Malaysia.



Bangunan Pejabat Baru LLN, Alor Setar, Kedah.




Bangunan Pejabat Baru LLN, Teluk Anson, Perak.



Astaka LLN yang mendapat hadiah pertama di Pameran Pengguna Selangor yang diadakan di Stadium Negara, Kuala Lumpur.

BILANGAN PENGGUNA.



JUMLAH UNIT DIJUAL TERBAHAGI KEPADA KUMPULAN-KUMPULAN PENGGUNA


JUMLAH UNIT DIJUAL

1972 2,766,366,628 Kwj
1971 2,401,392,763 Kwj
Tambahan 15.2%

PERATUSAN UNIT DIJUAL 1972


	LAIN-LAIN PERINDUSTRIAN	47.8%
	PERDAGANGAN	24.5%
	PERLOMBONGAN	12.5%
	KEDIAMAN	11.6%
	TENTERA	2.4%
	LAMPU AWAM	1.2%

JUTA RINGGIT




TAHUN BERAKHIR 31HB OGOS

HARGA PURATA SEYUNIT YANG DIJUAL DIBANDINGKAN
DENGAN ANGKA-TUNJUK HARGA BARANG-BARANG PENGGUNA.



YUNIT-YUNIT DIJUAL KEPADA TIAP-TIAP PENGGUNA



kewangan

Natijah Kewangan

Pendapatan dari jualan letrik bagi tahun ini telah bertambah sebanyak 13.4% menjadikan \$209,560,000 (\$184,866,750) dan pendapatan-pendapatan lain telah bertambah sebanyak 23.5% menjadikan \$12,827,161 (\$10,383,702). Dengan itu jumlah pendapatan bagi tahun ini ialah \$222,387,161 (\$195,250,452) iaitu tambahan sebanyak 13.9%. Perbelanjaan-perbelanjaan kendalian termasuk susutan telah bertambah sebanyak 12.3% menjadikan \$129,013,967 (\$114,852,518). Ini menjadikan jumlah lebihan kendalian sebanyak \$93,373,194 (\$80,397,934). Setelah dibayar bunga sebanyak \$33,868,247 (\$32,884,804) dan sumbangan kepada Tabung Amanah Pelajaran L.L.N. sebanyak \$2,000,000 (Kosong) dan menyimpan peruntukan sebanyak \$16,000,000 (\$3,000,000) untuk cukai, maka baki bersihnya ialah sebanyak \$41,504,947 (\$44,513,130) yang telah dipindahkan ke dalam cadangan-cadangan dan dipegang semata-mata untuk membiayai rancangan pokok Lembaga.

Bunga Atas Saham Biasa


Lembaga telah mengisytiharkan kadar bunga sebanyak 5 peratus setahun bagi tahun ini atas saham-saham biasanya sebanyak \$167,719,000 (\$167,719,000) dan banyaknya bunga yang diisytiharkan berjumlah sebanyak \$8,385,950 (\$8,385,950), tetapi bayaran ini telah ditangguhkan sehingga soalan cukai di selesaikan dengan Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Perbelanjaan Pokok


Perbelanjaan pokok bagi tahun ini berjumlah sebanyak \$77,796,006 (\$63,053,258). Perbelanjaan pokok ini telah menambahkan pelaburan Lembaga dalam harta-harta tetap (hartabenda dan loji) termasuk kerja-kerja yang sedang berjalan sekarang sebanyak \$1,138,510,034 (\$1,063,640,021). Pembiayaan perbelanjaan pokok bagi tahun 1972 telah dibuat sebahagian daripadanya melalui kumpulan-kumpulan wang yang diperolehi dari dalam negeri dan sebahagian yang lain pula daripada pinjaman-pinjaman luar negeri daripada Bank Dunia (B.A.P.P.), dan Kerajaan Malaysia.

(Angka-Angka dalam kurungan menunjukkan perkara-perkara yang sama bagi tahun yang lepas)

PERKEMBANGAN MENGENAI PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN



PENDAPATAN 1971-1972

5.8¢ LAIN-LAIN
PENDAPATAN

94.2¢ JUALAN LETRIK


PERBELANJAAN 1971-1972

43.2¢ PERBELANJAAN KENDALIAN


15.7¢ SUSUTAN

15.2¢ BUNGA

7.2¢ CUKAI PENDAPATAN

18.7¢ BAKI DIGUNAKAN UNTUK
PEMBIAYAAN DALAM NEGERI

CUKAI-CUKAI LANSUNG SELAIN DARIPADA CUKAI PENDAPATAN YANG DIBAYAR OLEH LEMBAGA DALAM TAHUN 1971-1972 (termasuk cukai minyak bahanapi, cukai minyak disel, bayaran cukai tambahan dan duti kastam) BERJUMLAH \$13,877,000 ATAU 14.8% DARIPADA PERBELANJAAN KENDALIAN TOLAK SUSUTAN.



KEDUDUKAN KEWANGAN LEMBAGA PADA 31-8-1972

AKAUN HASIL BAGI TAHUN BERAKHIR 31HB OGOS 1972

dengan angka-angka perbandingan bagi tahun berakhir 31hb Ogos 1971

1971			1972		
Sen Seyunit dijual	\$		\$	\$	Sen Seyunit dijual
7.70	184,866,750	Pendapatan dari jualan letrik	209,560,000		7.57
0.43	10,383,702	Lain-lain Pendapatan	12,827,161		0.46
8.13	195,250,452			222,387,161	8.03
		Tolak: Perbelanjaan Kendalian			
2.33	53,731,805	Penjanaan	64,550,856		2.42
4.21	3,878,750	Letrik dibeli secara borong	4,523,904		4.51
2.40	57,610,555		69,074,760		2.50
0.33	7,874,000	Penghantaran	7,038,471		0.26
1.05	25,282,313	Pengagihan	27,739,852		1.00
0.12	2,964,439	Perkhidmatan Pengguna	3,073,415		0.11
0.25	5,943,299	Membaca jangka, membil & memungut akaun	6,386,796		0.23
0.15	3,671,436	Latihan dan Kebajikan	4,241,923		0.15
0.15	3,658,328	Pentadbiran	3,902,069		0.14
0.33	7,848,148	Perbelanjaan Am	7,556,681		0.27
4.78	114,852,518			129,013,967	4.66
3.35	80,397,934			93,373,194	3.37
		Tolak: Bayaran bunga atas			
0.35	8,385,950	Saham biasa	8,385,950		0.30
1.02	24,498,854	Pinjaman-pinjaman	25,482,297		0.92
1.37	32,884,804			33,868,247	1.22
1.98	47,513,130	Hasil bersih sebelum dikenakan cukai		59,504,947	2.15
0.13	3,000,000	Tolak: Peruntukan untuk cukai		16,000,000	0.58
1.85	44,513,130			43,504,947	1.57
—	—	Tolak: Sumbangan kepada Tabung Amanah Pelajaran LLN.		2,000,000	0.07
1.85	44,513,130	Baki hasil bersih digunakan untuk membiayai keperluan- keperluan pokok		41,504,947	1.50
		Dipindahkan kedalam			
1.79	42,913,130	Akaun Pembangunan pokok		38,904,947	1.41
0.06	1,600,000	Cadangan Am		2,600,000	0.09
1.85	44,513,130			41,504,947	1.50

Catitan-catitan mengenai Akaun merupakan bahagian yang lengkap dalam akaun-akaun ini.

KUNCI AKAUN HINGGA PADA 31HB OGOS 1972

dengan angka-angka perbandingan pada 31hb Ogos 1971

1971		1972	
\$		\$	\$
	HARTA-HARTA BERSIH		
	Harta-Harta Tetap		
1,063,640,021	Hartabenda, loji dan kelengkapan mengikut kos	1,138,510,034	
<u>255,192,852</u>	Tolak: Peruntukan untuk susutan	<u>289,003,407</u>	
808,447,169		849,506,627	
<u>37,376,974</u>	Tolak: Baki akaun sumbangan pengguna	<u>44,350,459</u>	
<u>771,070,195</u>			805,156,168
	Harta-Harta semasa		
3,131,000	Bahanapi mengikut kos	2,625,055	
26,335,616	Barang-barang stor mengikut kos	34,111,957	
1,513,678	Kerja bayartuntut yang sedang dibuat mengikut kos	1,449,358	
22,197,994	Siberhutang	28,186,392	
11,844,114	Wang pendahuluan bagi kakitangan	13,724,731	
1,044,133	Pembayaran Pendahuluan	1,614,331	
78,904,745	Wang di Bank	113,779,018	
<u>56,825</u>	Wang tunai di tangan	<u>60,355</u>	
<u>145,028,105</u>			<u>195,551,197</u>
916,098,300			1,000,707,365
	Tolak: Tanggungan-Tanggungan Semasa		
	Sipiutang, tanggungan-tanggungan terkumpul dan wang-wang ditahan		
59,476,229	jangka pendek bagi kontrak kerja-kerja pokok	90,137,079	
<u>19,967,480</u>	Wang cagaran Pengguna	<u>21,961,555</u>	
79,443,709			112,098,634
<u>836,654,591</u>			<u>888,608,731</u>
	MEMBIAYAI SEPERTI BERIKUT		
167,719,000	Saham Biasa		167,719,000
	Cadangan-Cadangan yang digunakan didalam urusan Lembaga		
211,565,549	Akaun Pembagunan Pokok		250,470,496
18,400,000	Cadangan Am		21,000,000
<u>438,970,042</u>	Pinjaman-Pinjaman		<u>449,419,235</u>
836,654,591			888,608,731

Catitan-Catitan mengenai Akaun merupakan bahagian yang lengkap dalam akaun-akaun ini.

CATITAN MENGENAI AKAUN

31hb Ogos 1972

Catitan-catitan ini adalah tambahan kepada angka-angka dalam Akaun Hasil dan Hunci Akaun dan merupakan bahagian yang lengkap dalam akaun tersebut. Laporan Juruodit diterakan di Muka 42.

CATITAN 1 – PENUKARAN MATAWANG—MATAWANG LAIN KEPADA RINGGIT MALAYSIA

Pinjaman-pinjaman dalam matawang asing telah ditukarkan kepada ringgit Malaysia mengikut kadar-kadar pertukaran yang berjalan kuatkuasa pada tarikh-tarikh perjanjian pinjaman itu dikeluarkan. Lain-lain tanggungan dalam matawang-matawang asing telah ditukar mengikut kadar-kadar pertukaran yang sama yang berjalan kuatkuasa pada 31hb Ogos 1972.

Pada 31hb Ogos 1972 terdapat tanggungan luarjangka berjumlah kira-kira \$3.2 juta yang menunjukkan lebihan dari nilai buku pinjaman-pinjaman dalam ringgit Malaysia yang bersamaan dengan banyaknya pinjaman-pinjaman dalam matawang asing yang ditukarkan mengikut kadar-kadar yang berjalan kuatkuasa pada 31hb Ogos 1972.

CATITAN 2 – SAHAM BIASA

Dari jumlah \$167,719,000 saham biasa yang dikeluarkan sebanyak \$164,719,000 dipegang oleh Kerajaan Malaysia dan \$3,000,000 dipegang oleh Kerajaan Negeri Pahang.

CATITAN 3 – CADANGAN

Lembaga hanya mempunyai dua cadangan yakni cadangan pokok iaitu Akaun Pembangunan Pokok dan cadangan hasil iaitu Cadangan Am. Adalah menjadi dasar Lembaga untuk membuat sumbangan tahunan terhadap Cadangan Amnya supaya ia dapat mengawal Cadangan Am itu pada jumlah wang lebih kurang sama dengan 10% daripada pendapatan tahunan yang diperolehi dari jualan letrik. Baki hasil yang didapati itu, selepas dibuat sumbangan terhadap Cadangan Am, kemudiannya dimasukkan ke dalam Akaun Pembangunan Pokok. Dengan yang demikian ianya dilaburkan semula untuk membiayai sebahagian besar daripada perbelanjaan-perbelanjaan pokok Lembaga.

CATITAN 4 – PINJAMAN—PINJAMAN \$449,419,235

Pinjaman-pinjaman pada 31hb Ogos 1972 mengandungi pinjaman-pinjaman seperti berikut:—

			Tempoh Bayaran Balik
Kerajaan Malaysia	5 peratus	\$ 37,511,486	1955-2019
	5¾ "	8,238,747	1965-1980
	6 "	34,273,134	1964-1988
	6½ "	5,421,375	1976-1995
	Belum diputuskan	6,220,203	1975-1993
	" "	2,167,102	1978-2001
Commonwealth Development Corporation	6¼ peratus	42,395,582	1961-1985
Commonwealth Development Finance Company Limited	6¾ "	3,000,001	1970-1979
Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	6 "	9,424,850	1971-1982
Bank Antarabangsa Untuk Pemulihan dan Pembangunan			
Pinjaman 210 MA	5¾ "	59,853,052	1964-1983
Pinjaman 350 MA	5½ "	135,214,265	1968-1988
Pinjaman 458 MA	6 "	77,124,501	1970-1986
Pinjaman 579 MA	6½ "	22,243,086	1973-1988
Pinjaman 700 MA	7 "	2,143,656	1975-1990
Bharat Heavy Electricals Limited, India	5 "	4,188,195	1973-1983
		<u>\$ 449,419,235</u>	
		=====	

Bayaranbalik pinjaman-pinjaman dari Commonwealth Development Corporation, Commonwealth Development Finance Co. Ltd., Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Bank Antarabangsa untuk Pemulihan dan Bharat Heavy Electricals Limited dijamin oleh Kerajaan Malaysia.

CATITAN 5 – TANAH

Termasuk di dalam harta-harta tetap ialah wang sejumlah \$21,242,877 untuk tanah. Jumlah wang ini adalah seperti berikut:—

Tanah Geran	\$ 12,557,560
Tanah Pajak	\$ 8,685,317

Termasuk didalam kos tanah berimilek ialah wang sejumlah \$1,017,800 bagi tanah yang diambil-alih daripada Kerajaan di bawah Seksyen 29 Ordinan Letrik yang mana adalah masih sukar untuk mendapatkan surat-surat hakmilk yang memuaskan.

CATITAN 6 – PENDAPATAN DARI JUALAN LETRIK

Sebagaimana dalam tahun-tahun yang sudah, jumlah wang yang dikreditkan ke dalam akaun hasil menunjukkan bayaran-bayaran letrik yang dikira menurut bacaan jangka yang diambil dalam tahun berakhir 31hb Ogos dan oleh itu hasil daripada penggunaan letrik yang tidak dibaca hingga 31hb Ogos 1972 tidak dimasukkan di dalam akaun tersebut.

CATITAN 7 — SIPIUTANG \$90,137,079

Perkara ini termasuk sipiutang-sipiutang bagi perbelanjaan pokok berkaitan dengan Pembangunan Huasa Tanah Melayu Selatan dan tambahan-tambahan kepada Port Dickson dan Perai dan Port Dickson Peringkat III yang berjumlah sebanyak \$9,429,247, bunga atas saham biasa berjumlah \$33,473,882 dan peruntukan untuk cukai \$19,000,000.

CATITAN 8 — CUKAI

Cukai atas lebihan bagi tahun ini telah dikira selepas menimbangkan elaun-elaun pokok yang tidak digunakan dan dibawa ke hadapan dari tahun sudah yang berjumlah kira-kira \$10 juta dan atas asas bahawa bunga atas saham biasa dianggap sebagai bunga.

CATITAN 9 — KERJA-KERJA POKOK YANG AKAN DIJALANKAN

Perbelanjaan kerja pokok akan datang yang telah dibenarkan oleh Lembaga pada 31hb Ogos 1972 berjumlah kira-kira \$514.3 juta. Daripada jumlah ini sebanyak \$191.9 juta telah diberi kontrak pada tarikh tersebut.

LAPURAN JURUODIT**AKAUN BAGI TAHUN BERAKHIR 31HB OGOS 1972****LAPURAN JURUODIT—JURUODIT YANG DILANTIK DI BAWAH SEKSYEN
25(2) ORDINAN LETRIK 1949 UNTUK MENGODIT AKAUN
LEMBAGA LETRIK NEGARA TANAH MELAYU**

Dalam tahun 1959/60 yunit-yunit yang dijual kepada industri (tidak termasuk perlombongan) ialah 92,557,972 kWj menandakan 17% daripada 544,904,807 kWj jumlah yunit yang dijual. Sejak itu sungguhpun jumlah yunit-yunit yang dijual telah bertambah sebanyak lebihkurang 6.42 kali ganda ke 3,502,084,679 kWj, yunit yang dijual kepada industri telah bertambah sebanyak 19.25 kali ganda ke 1,782,155,740 kWj, iaitu menunjukkan 50.88 % daripada jumlah yunit-yunit yang dijual.

SEBUAH KILANG KAIN



Atas: SEBUAH KILANG TEPUNG
Bawah: KAWASAN PERINDUSTRIAN







penghantaran dan

Atas: BANDARAYA KUALA LUMPUR

Bawah: LAMPU JALAN



pengagihan

SENGGARAAN BERJADUAL DI SESALUR VR HIDUP

PROJEK PERUMAHAN BARU



PENGHANTARAN

Kehendak maksima Rangkaian Barat Lembaga ialah 603.8 MW bagi tahun berakhir 31hb Ogos 1974, iaitu, tambahan 8.3% daripada tahun yang lalu.

Pembinaan talian penghantaran litar Dua 275 kV dari Woh ke Papan sepanjang 28 batu yang menggunakan pengalir SCA Duplex 0.4" persegi adalah 95% siap sementara talian yang sama sepanjang 24 batu dari pencawang Kuala Lumpur (Selatan) dan Rawang 60% siap. Kedua-dua talian ini dijangka diberi tenaga menjelang awal 1975.

Pembinaan talian litar Dua 132kV panjangnya lebihkurang 63 batu yang menggunakan pengalir SCA 0.3" persegi dari Chenderiang ke Hampung Gajah dan Lumut dan Pengalir SCA 0.15" persegi dari Hampung Gajah ke Telok Anson telah dimulakan dalam bulan Julai 1974. Kerja ini dijangka siap pada pertengahan 1976.

Rancangan-rancangan sedang diatur untuk memperkuatkan rangkaian penghantaran Lembaga dari Melaka ke Muar dan Keluang dan juga lanjutan rangkaian tersebut dari Temerloh ke Jengka Tiga Segi dan Jerantut.

TALIAN-TALIAN PENGHANTARAN YANG DILANCAR

Panjangnya

Litar satu 66kV SCA 0.1 in per. Gemas/Segamat

16.17 batu

PENCAWANG-PENCAWANG YANG DILANCAR DAN DITAMBAH BEBAN

Keupayaan

Pudu Ulu 132/33kV	...	2 x 30 MVA
Segamat 66/11kV	...	1 x 7.5 MVA
Pasir Besar 66/11kV	...	1 x 7.5 MVA
Pontian Kecil 66/11kV	...	1.83 MVA Kedua
Kuala Pilah 66/11kV	...	3MVA Kedua
Secudai 22/6.6kV	...	3MVA Kedua
Sungai Johor 22/6.6kV	...	5MVA Kedua
Perindustrian Tampoi 22/6.6kV	...	7.5MVA Kedua

PERISTIWA-PERISTIWA PENTING MENGENAI AKTIVITI-AKTIVITI PENGAGIHAN

1. Sepanjang 3,605 ela kabel berisi minyak 33kV telah ditanam dari Stesyen Janaelektrik Perai ke Pencawang Perindustrian Mak Mandin dan dilancarkan.
2. Sepanjang 4,400 ela kabel 22kV ditanam dari Pencawang Tampoi No. 2 ke Pencawang Perindustrian Tampoi dan diberi tenaga.
3. 2 kabel berisi minyak 33kV sepanjang 3,353 ela telah ditanam dari Stesyen Janaelektrik Perai ke Pencawang Penfibre dan dilancarkan untuk sementara.
4. 6,426 ela kabel-kabel berisi minyak 33kV telah ditanam dari Pudu Ulu ke Pencawang Bandaraya Kuala Lumpur dan dilancarkan.
5. Pencawang Kawasan Perindustrian Peramu 1,000 kVA, 11/4 kV yang dibekalkan melalui kabel Aluminium 120 mm persegi sepanjang 3,353 ela telah dilancarkan.

PROJEK PENGAGIHAN UTAMA YANG DIRANCANG

- | | | | |
|----|----------------|---|--|
| 1. | Petaling Jaya | : | Pencawang baru di SEA Park mengandungi 1 x 90 MVA, 132/66kV, 2 x 30 MVA dan 2 x 18 MVA 66/33kV; 2 x 15 MVA 33/11 kV untuk memperkuat sistem Petaling Jaya. |
| 2. | Bukit Raja | : | Pencawang baru di Bukit Raja dengan 2 x 15MVA 132/11kV untuk memperkuat sistem pengagihan di antara Shah Alam dan Kelang. |
| 3. | Kuala Lumpur | : | Perkuatan kebel berisi minyak 33kV dari pencawang-pencawang Ampang ke Bukit Bintang, Bandaraya Kuala Lumpur ke Ulu Kelang. |
| 4. | Johor Baru | : | Pencawang 2 x 15MVA 66/22kV untuk membekal kawasan perindustrian Pasir Gudang. |
| 5. | Perlis | : | 2 x 15MVA 132/33kV untuk membekal Kilang Simen di Bukit Ketri. |
| 6. | Guar Chempedak | : | Pencawang 2 x 5 MVA 132/11 kV untuk memperkuat sistem pengagihan antara Sungai Patani dan Alor Setar. |
| 7. | Sungai Patani | : | Pencawang 2 x 15 MVA 132/11kV untuk memperkuat rangkaian pengagihan yang ada sekarang di Sungai Patani. |

SESALUR PENGAGIHAN YANG DILANCAR

Panjangnya


- | | | |
|----|------------------------|-------------|
| 1. | Talian atas 33kV | 1.54 batu |
| 2. | Talian atas 11kV | 4.17 batu |
| 3. | Kebel bawahtanah 11kV | 285.77 batu |
| 4. | Kebel bawahtanah 6.6kV | 17.33 batu |

PENCAWANG PENGAGIHAN YANG DILANCAR


Keupayaan




- | | | |
|----|------------------|------------|
| 1. | Pencawang 22kV | 4,496 kVA |
| 2. | Pencawang 11kV | 77,458 kVA |
| 3. | Pencawang 6.6 kV | 130 kVA |

rancangan pembar



gunan






kawasan u ara




DAERAH-DAERAH

Alor Setar
Butterworth & Daerah
Ipoh & Daerah
Taiping
Teluk Anson




Tahun Berakhir 31hb Ogos

kawasan mur



Tahun Berakhir 31hb Ogos



DAERAH-DAERAH

Kota Baru & Daerah
Kuala Trengganu
Kuantan
Raub

beka an e r'k uarbandar

BEKALAN LETRIK LUARBANDAR

Dengan lebihkurang sebanyak 70% daripada projek-projek tahun 1973 yang dibawa ke hadapan serta rancangan-rancangan yang banyak untuk tahun 1974, keupayaan punca-punca Lembaga telah digunakan dengan sepenuhnya. Masih terdapat beberapa sebab yang belum selesai yang menyebabkan belewatan menyiapkan projek-projek ini. Sebab yang penting ialah kekurangan terus-menerus pembekalan bahan-bahan utama seperti dawai-dawai aluminium bertebat dan tidak bertebat, kebel VT, alatubah-alatubah dan perkakawis. Kemajuan projek ini terus tergendala oleh sebab kesukaran mendapat tanah untuk pencawang, tapak-tapak untuk stesyen janaelektrik luarbandar dan izinlalu untuk talian-talian atas VR.

Bagi tahun 1974 sejumlah 250 projek telah dijadualkan untuk pelaksanaan dengan jumlah kos kira-kira \$24.36 juta. Adalah dianggarkan sejumlah 25,200 pengguna di dalam 295 kampung dan kampung-kampung baru akan menikmati faedah daripada projek-projek ini.


Pembisyaan projek-projek ini diperolehi sebagai sumbangan sebanyak \$4.66 juta daripada Kerajaan Persekutuan, \$11.77 juta daripada Kerajaan Negeri, \$7.38 juta daripada Lembaga dan \$0.05 juta daripada F.E.D. Sebanyak 153 projek telah dianjurkan oleh Kerajaan Persekutuan dalam mana kos-kosnya dibahagikan secara sama rata oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri yang berkenaan dan L.L.N. atas dasar 1/3 tiap-tiap satu. Projek-projek lain telah dijalankan di bawah rancangan-rancangan Kerajaan Negeri dengan 2/3 daripada kosnya dibiayai oleh Kerajaan Negeri yang berkenaan dan bakiunya sebanyak 1/3 oleh Lembaga.

Setakat 31hb Ogos 1974 terdapat sebanyak 83 stesyen luarbandar dalam kendalian dan sebanyak 41 di dalam peringkat-peringkat pembinaan tertentu. Dalam tempoh tahun kewangan, dua buah stesyen luarbandar, iaitu, satu di Jenjarom, Selangor dan satu di Sri Lallang, Johor telah ditutup disebabkan oleh ketibaan bekalan borong di tempat-tempat tersebut.

TEMPAT PERANGINAN DESA



KEMAJUAN BEKALAN LETRIK LUARBANDAR



pentadbiran am

HARTABENDA YANG DIPINDAHMILIK DARI JABATAN LETRIK YANG DAHULU

Dalam tempoh tahun ini Jabatan Perdana Menteri telah menghubungi Kerajaan-Kerajaan Negeri berhubung dengan syor-syor Jawatankuasa Khas yang dilantik oleh Persidangan Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri, bahawa Lembaga diberi hakmilik penuh bagi semua tanah yang dipindahmilik dan diletakkan kepada Lembaga di bawah Seksyen 29 Akta Letrik 1949 (disemak 1973). Kerajaan-Kerajaan Negeri Johor, Selangor, Perak, Trengganu Pahang, Perlis, Negeri Sembilan dan Melaka telah bersetuju untuk mengeluarkan geran-geran untuk selama-lamanya tanpa bayaran primium dan tanpa syarat-syarat nyata dan sekatan atas kepentingan tetapi tertakluk kepada bayaran upahukur dan cukai-cukai tanah tahunan. Perkara ini masih di dalam perbincangan dengan Negeri-Negeri Kedah dan Kelantan untuk menyelesaikan beberapa kemuskilan berbangkit daripada syarat-syarat pemberian hakmilik yang disyorkan itu.

KAKITANGAN DAN PERHUBUNGAN KAKITANGAN

Jumlah bilangan kakitangan yang berkhidmat dengan Lembaga setakat 31hb Ogos 1974 ialah seramai 10,583 orang yang mengandungi seperti berikut:—

Pegawai-Pegawai Kanan	— Bahagian I	— 332
Pegawai-Pegawai Teknikal	— Bahagian II hingga Bahagian IV	— 2,026
Pegawai-Pegawai Bukan-Teknikal	— Bahagian II hingga Bahagian IV	— 2,348
Kumpulan Perusahaan dan Buruh Kasar	—	— 5,827

KEBAJIKAN

Seberapa yang boleh Lembaga mendapatkan pertolongan doktor Perubatan Swasta untuk memberi rawatan kepada kakitangannya. Bilangan doktor yang dilantik oleh Lembaga untuk memberi rawatan di beberapa daerah adalah seramai 45 orang pada penghujung tempoh kajian lapuran ini.

10 buah banglo iaitu 4 di Cameron Highlands, 3 di Port Dickson dan 3 di Pulau Pinang terus digemari oleh kakitangan-kakitangan Lembaga. Kelab-kelab Kilat yang ditubuhkan itu ialah untuk memberi kemudahan-kemudahan sosial dan sukan bagi kakitangan seharian ini berjumlah 30 buah di seluruh Semenanjung Malaysia.

Sukan Tahunan LLN Ke 18 di peringkat Persekutuan telah diadakan pada 28hb dan 29hb Jun 1974 dan peserta-peserta telah menunjukkan banyak pembetulan. Pasukan sukan Lembaga telah mengambil bahagian di dalam beberapa acara anjuran Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Malaysia dan menggondol piala-piala di dalam acara hoki, golf dan kriket. Hadiah-hadiah untuk rumah-rumah Lembaga yang terbersih telah diberi kepada 24 pegawai, 6 daripada mereka mewakili tiap-tiap kawasan di Upacara Sukan Tahunan Peringkat Persekutuan.

Pada 31hb Ogos 1974 terdapat seramai 3,277 kakitangan di dalam perjawatan berpenyen dan seramai 3,425 kakitangan telah menjadi ahli Skim Kumpulan Wang Janda dan Anak Yatim.

Skim Memiliki Rumah Dengan Bantuan Lembaga telah mula memberi bantuan kepada kakitangannya untuk membina rumah-rumah mereka dalam tahun 1958. Semenjak itu pinjaman wang berjumlah sebanyak \$22,257,457.96 telah diberi kepada 1,159 kakitangan.


Syarikat Kerjasama Jimat-Cermat dari Pinjaman Wang LLN berkembang dengan baiknyanya dalam tempoh kajian yang dilaporkan ini. Bilangan ahli-ahli telah bertambah dari 3,747 ke 3,973 dan jumlah yuran yang dibayar pada penghujung tahun kewangan adalah sebanyak \$5,731,227 menunjukkan tambahan hampir 12%% daripada angka tahun lepas.

Kumpulan Wang Khairat Kematian Kilat memberikan pertolongan wang tunai dengan sertamerta kepada janda (atau penerima yang dilantik) berikutan dengan kematian seseorang ahli. Kumpulan Wang ini mempunyai seramai 5,677 ahli, iaitu, tambahan 231 ahli.



31hb Ogos 1974 menandakan tamatnya 25 tahun pertama kelahiran Lembaga dan merupakan sebagai peristiwa penting di dalam kemajuan dan perkembangan Lembaga semenjak ianya ditubuhkan dalam tahun 1949. Untuk menandakan upacara yang bersejarah ini, stem-stem peringatan telah dikeluarkan dan beberapa acara sukan dan pertunjukkan kebudayaan telah diadakan. Kemuncak perayaan ini ialah dengan mengadakan jamuan makan malam yang terbesar yang dihadiri oleh Perdana Menteri YAB Tun Haji Abdul Razak bin Hussein dan lain-lain dif-dif kenamaan.

PENGHORMATAN



D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agung menganugerahkan Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) kepada Encik Fong Ah Nghoh, Pemangku Ketua Akauntan.

T.Y.T. Gabenor Pulau Pinang sempena menyambut Hari Jadinya pada 22hb Disember 1973 telah mengurniakan pingat-pingat berikut:—

- (a) Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) kepada Encik Chan Sow Chee, No. Pekerja 7404, Pengurus Daerah Kanan, Butterworth.
- (b) Pingat Jasa Masyarakat (P.J.M.) kepada Encik Nik Mohamed bin Nik Abdullah, No. Pekerja 7539, Penolong Jurutera — Sesalur, Butterworth.

D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agung di dalam senarai penghormatan Malaysia telah menganugerahkan pingat-pingat berikut:—

- (1) Encik Fong Ah Nghoh, No. Pekerja 1361, Pemangku Ketua Akauntan yang telah dianugerahkan Kesatria Mangku Negara (K.M.N.)
- (2) Encik Sum Kwok Sang, No. Pekerja 1315, Akauntan Nanan (Kawasan Tengah) telah dianugerahkan Ahli Mangku Negara (A.M.N.)
- (3) Encik Abdul Wahab Fenner, No. Pekerja 7262, Juruteknik (Tingkatan Tertinggi) telah dianugerahkan Pingat Pangkuan Negara (P.P.N.)

KEPERLUAN-KEPERLUAN TANAH

Dalam tahun ini, notis-notis sebagaimana yang diperlukan oleh peruntukan-peruntukan Akta Letrik 1949 (disemak 1973) telah diserahkan kepada pemilik-pemilik tanah untuk mendapatkan tanah sebagai izinlalu bagi talian-talian penghantaran yang dicadangkan, yang melintasi lebih daripada 160 batu. Perbicaraan-perbicaraan telah diadakan oleh Pemungut-Pemungut Hasil Tanah di beberapa negeri untuk mendengar bantahan-bantahan daripada pemilik-pemilik tanah terhadap cadangan Lembaga untuk memasuki tanah-tanah mereka dengan tujuan mendirikan talian-talian penghantaran. Sejumlah 298 tapak telah dibeli, dipajak atau diambilbalik untuk kegunaan-kegunaan bangunan pejabat, rumah-rumah, stesyen swis dan pencawang.

AKTA LETRIK 1949 (DISEMAK 1973)

Dengan berkuatkuasanya Akta Letrik 1949 pada 1hb Ogos 1973, Ordinan Letrik 1949, dengan ini dimansuhkan. Pindaan-pindaan selanjutnya telah dibuat terhadap Seksyen-Seksyen 2, 5, 6, 9, 12, 15A dan Seksyen 23 Akta Letrik tersebut dan Akta Letrik ini telah mendapat persetujuan Diraja pada 29hb Ogos 1973. Seksyen 9 menghadkan korum bagi semua mesyuarat-mesyuarat Lembaga pada 3 orang, sekurang-kurangnya 2 daripadanya mestilah pegawai-pegawai awam disamping Pengerusi atau Timbalan Pengerusi sementara Seksyen 12 menyatakan bahawa sebarang skim perkhidmatan baru atau sebarang pertukaran terhadap skim seumpama itu berhubung dengan kakitangan Lembaga mestilah mendapat penglulusan Menteri terlebih dahulu. Seksyen 15A menegaskan tanggungjawab Lembaga dan kuasa mutlak Y.B. Menteri yang mungkin dari masa ke masa mengeluarkan arahan-arahan kepada Lembaga atas sebarang aspek fungsinya dan arahan-arahan seumpama itu adalah terikat dan akan dikuatkuasakan oleh Lembaga.

Pindaan terhadap Seksyen 15 merupakan satu kemajuan penting dalam sejarah Lembaga kerana ianya diberikuasa (dengan penglulusan Y.B. Menteri dan persetujuan Y.B. Menteri Kewangan) untuk menubuhkan syarikat-syarikat dan melibatkan diri dalam perindustrian berkaitan dengan pembuatan alat-alat letrik. Langkah-langkah telahpun diambil ke arah ini.

PERPUSTAKAAN

Lembaga membelanja sebanyak \$19,307 bagi melengkapkan perpustakaan dalam tahun ini. Jumlah bilangan buku-buku pada penghujung tahun lapuran ini ialah 4,366 naskah iaitu tambahan 831 naskah daripada tahun lalu.

LATIHAN

Jabatan Pelajaran dan Latihan telah membelanjakan sebanyak \$4.63 juta untuk mengadakan latihan dalam tempoh kajian lapuran ini.

PERHUBUNGAN AWAM

Lembaga sekali lagi mengambil bahagian yang aktif di dalam tahun ini berhubung dengan halehwal perhubungan awam. Pengurus Besar telah mengadakan beberapa wawancara di radio dan talivisyen sebagai sebahagian daripada usaha untuk menyampaikan maklumat dan memberitahu mereka tentang aktiviti-aktiviti Lembaga. Y.B. Menteri Kerja Raya dan Tenaga, Datuk Haji Abdul Ghani Gilong telah melawat Ibu Pejabat pada 14hb Januari 1974. Beliau juga melawat pejabat-pejabat Lembaga di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.

D.Y.M.M. Raja Perlis telah berkenan membuka dengan rasminya pejabat baru Lembaga di Kangar, Perlis pada 30hb April 1974. Lembaga mengambil bahagian di dalam pameran yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Kedah, Johor, Melaka dan Kerajaan Persekutuan. Risalah bertajuk "Lembaga Letrik Negara 1972" yang menggambarkan kemajuan-kemajuan yang dicapai oleh Lembaga dari tahun 1957 hingga 1972 dan satu lagi risalah Latihan di Lembaga Letrik Negara telah dicetak dan diedarkan kepada beberapa pertubuhan. Majallah kakitangan "Tenaga" terus mengekalkan mutunya dan minat daripada kakitangan.

PERSIDANGAN TENAGA SEDUNIA

Lembaga terus menjadi Setiausaha dan Bendahari Jawatankuasa Kebangsaan Persidangan Tenaga Sedunia, Malaysia. Pengurus Besar Lembaga, Encik Abu Zarim bin Haji Omar ialah Pengerusinya dan Timbalan Pengurus Besar (Perancang dan Pembinaan) Encik A. Ramanath ialah Setiausaha dan Bendahari. Satu perwakilan terdiri daripada 3 orang pegawai daripada Lembaga menghadiri mesyuarat Majlis Kerja Antarabangsa di Argentina dalam bulan Oktober 1973.

LATIHAN

Pejabat Pelajaran dan Latihan telah membelanjakan sebanyak \$4.63 juta untuk mengadakan latihan dalam tempoh tahun kajian lapuran ini.

Ringkasan mengenai latihan yang dirancang adalah seperti berikut:—

	Pada permulaan tahun	Pengambilan dalam tahun	Tamat	Berhenti/ditarikh balik	Pada Penghujung tahun 31.8.74
Pemberian Biasiswa Kejuruteraan					
Luar Negeri	175	40	33	1	181
Malaysia	7	2	2	—	7
Institusi Teknologi Kebangsaan	47	16	19	2	42
Latihan Penyesuaian Kerja					
Jurutera Pelajar	50	39	27	—	62
Kedet Pentadbiran	3	1	4	—	4
Akauntan Pelajar	4	—	2	—	2
Pelatih Jurutera Giliran Kerja	—	—	—	—	—
Kedet Teknik	36	*21	2	**22	33
Kedet Juruteknik	22	—	—	1	21
Pelatih Pengendali Bilik Kawalan	8	—	—	1	7
Perantis-Perantis Lembaga Perantisan Pusat	275	64	26	22	291

Lain-lain pelbagai Perantis dan Pelatih — kira-kira dua ratus dalam latihan di sepanjang tahun ini.

* 19 siswazah dan 2 pengambilan baru.

** diberi biasiswa untuk pengajian lanjutan, meletak jawatan dan diambil-alih oleh Kerajaan

Sebagai sebahagian daripada rancangan pembangunannya, Lembaga telah juga menganjurkan pegawai-pegawainya yang sedang berkhidmat untuk mengikuti kursus-kursus dan seminar-seminar di dalam dan di luar negeri seperti yang diringkaskan seperti berikut:—

Latihan	Kumpulan Kakitangan	Bilangan diberi latihan
Dalam Lembaga		
Kursus-Kursus Perkeranian	Kakitangan Perkeranian	145
Kursus-Kursus Latihan Penyeliaan Pengurusan	Kakitangan Penyeliaan	24
Kursus Permulaan	Jurutera-Jurutera Pelatih, Akauntan-Akauntan Pelatih, dan Kedet-Kedet Pentadbiran.	36
Di Yayasan Dalam Negeri.		
INTAN	Pegawai-Pegawai Kanan	6
Yayasan Pengurusan Malaysia	Pegawai-Pegawai Kanan	21
Pusat Daya Pengeluaran Negara	Penyeliaan	10
Sekolah Latihan Semangat	Pelatih dan Kedet-Kedet Teknik	22

Latihan	Kumpulan Kakitangan	Bilangan diberi latihan
Luar negeri		
Seminar, Simposium dan latihan sambil belajar	Pegawai-Pegawai Kanan	25
Pengajian Lepas-Siswazah di Universiti-Universiti	Pegawai-Pegawai Kanan	5

Kemudahan-Kemudahan Latihan Industri telah juga diberi kepada penuntut-penuntut dari Universiti dan Kolej serta kakitangan-kakitangan Kerajaan dan lain-lain pertubuhan:

Jenis Latihan	Kumpulan Kakitangan	Bilangan
Latihan Industri	Jurutera-Jurutera, Juruteknik-Juruteknik dan Pertukangan.	58
Latihan Vokesyen	Penuntut-Penuntut dari Universiti dan Kolej	11
Latihan Industri Asas	Mahasiswa Universiti	30

Pusat Latihan Di Talian Hidup

Dalam tempoh kajian lapuran ini, Pusat Latihan Kerja Di Talian Hidup, disamping menganjurkan rancangan-rancangan latihan kerja di talian hidup, telah juga menjalankan latihan penyambung-penyambung kebel dan pembantu-pembantu penyambung kebel mengenai penyambungan kebel bawah tanah voltan serdahana (VS.).

	Jenis Latihan	Kumpulan Kakitangan	Bilangan diberi latihan
Talian Atas (Voltan Serdahana)	Kerja di talian hidup.	Jurutera-Jurutera dan Penyelia.	90
	Kerja di talian hidup utama (untuk pasukan)	Pasukan Kerja	12
	"Make & Break"	Pemasang Talian dan Pencari Kerosakan	364
Bawah Tanah (Voltan Serdahana)	Kerja di talian hidup	Jurutera-Jurutera dan Penyelia.	27
	Kerja di talian hidup	Penyambung Kebel	19
Penyambung Kebel "Mati" (Voltan Serdahana)	Menyambung Kebel Bawahtanah	Penyambung (Tingkatan Biasa dan Pembantu	56

Pusat Latihan

Satu kajian terhadap keperluan tenaga kerja di Lembaga Letrik Negara telah dijalankan dan dokumen projek telahpun dirumuskan untuk meminta Bangsa-Bangsa Bersatu membantu di dalam penubuhan Pusat Latihan di Bangi. Pusat ini akan menyediakan latihan-latihan untuk pekerja-pekerja, Juruteknik-Juruteknik dan Jurutera-Jurutera dalam berbagai kerja dan lapangan di dalam aktiviti-aktiviti L.L.N. Pada masa sekarang Penasihat Bangsa-Bangsa Bersatu sedang menguruskan projek ini.


Mengadakan latihan "attachments" untuk pegawai-pegawai luar negeri

Daripada Perbadanan Perbekalan Letrik Sabah	— 14 Pelatih
Daripada Perbadanan Perbekalan Letrik Sarawak	— 8 Pelatih.

BILANGAN PENGGUNA.

1974 640,389
1973 588,609
Tambahan 8.8%

BILANGAN PENGGUNA



1952 1953 1954 1955 1956 1957 1958 1959 1960 1961 1962 1963 1964 1965 1966 1967 1968 1969 1970 1971 1972 1973 1974

TAHUN BERAKHIR 31HB OGOS

JUMLAH YUNIT DIJUAL TERBAHAGI KEPADA KUMPULAN-KUMPULAN PENGGUNA


JUMLAH YUNIT DIJUAL

1974		3,502,084,679 kWj
1973		3,145,427,617 kWj
Tambahan		11.3%

PERATUSAN YUNIT DIJUAL 1974


	LAIN-LAIN PERINDUSTRIAN	50.8%
	PERDAGANGAN	26.0%
	PERLOMBONGAN	8.5%
	KEDIAMAN	11.7%
	TENTERA	1.9%
	LAMPU AWAM	1.1%

JUTA RINGGIT




TAHUN BERAKHIR 31HB OGOS

HARGA PURATA SEYUNIT YANG DIJUAL DIBANDINGKAN
DENGAN ANGKA-TUNJUK HARGA BARANG-BARANG
PENGGUNA



YUNIT-YUNIT DIJUAL KEPADA TIAP-TIAP PENGGUNA



kewangan

NATIJAH KEWANGAN

Pendapatan daripada jualan letrik bagi tahun ini telah bertambah sebanyak 14.4% menjadi \$270,908,341 (\$236,816,437) dan pendapatan lain sebanyak 32.9% menjadi \$21,405,635 (\$16,101,365). Jumlah pendapatan bagi tahun ini ialah sebanyak \$292,313,976 (\$252,917,802) iaitu tambahan sebanyak 15.6%. Perbelanjaan-perbelanjaan kendalian termasuk susutan telah bertambah sebanyak 45.4% menjadi \$209,104,248 (\$143,841,278). Ini menjadi lebih kendalian sebanyak \$83,209,728 (\$109,076,524).

Tambahan peratusan yang tinggi di dalam perbelanjaan-perbelanjaan kendalian adalah disebabkan kenaikan harga-harga minyak dalam bulan Januari 1974. Kos-kos minyak bahanapi naik dari \$40,861,269 dalam tahun 1972/73 ke \$99,207,285 dalam tahun 1973/74. Sungguhpun sebahagian besar daripada tarif perindustrian Lembaga mempunyai fasal bayaran perubahan kos bahanapi automatik, Lembaga tidak menguatkuasakan fasal ini demi menyokong dasar anti-inflasi Kerajaan. Walau bagaimanapun Lembaga telah mengenakan bayaran perubahan bahanapi kepada pengguna-pengguna Tarif Blok Kediaman bagi penggunaan letrik melebihi 150 yunit sebulan termasuk juga mereka yang diberi tarif-tarif Angkatan Tentera dan Lampu Awam untuk mendapatkan balik bahagian yang kecil terhadap tambahan kos bahanapi yang banyak itu. Untuk mengurangkan tambahan yang banyak terhadap kos kendalian yang dialami oleh Lembaga, Kerajaan telah memberi kepada Lembaga pengecualian daripada duti minyak bahanapi, duti kastam, cukai tambahan dan cukai jualan ke atas bahan-bahan dan kelengkapan yang berkuatkuasa mulai 1hb Januari 1974.

Bagi lebih kendalian sebanyak \$83,209,728, sebanyak \$8,957,358 yang merupakan tuntutan-tuntutan terhadap pengecualian duti kastam, cukai jualan dan cukai tambahan telah dicampur dan ini menjadikan lebih kendalian sebanyak \$92,167,086 (\$109,076,524). Setelah ditolak bunga yang dibayar ke atas pinjaman-pinjaman sebanyak \$26,107,157 (\$26,569,276) dan menyimpan peruntukan untuk cukai sebanyak \$20,000,000 (\$28,354,380) dan bunga yang dibayar ke atas saham biasa sebanyak \$5,031,570 (\$5,031,570), maka hasil bersih ialah sebanyak \$41,028,359 (\$51,121,298). Jumlah wang ini telah dipindahkan ke dalam cadangan-cadangan dan dipegang hanya semata-mata untuk membiayai rancangan pembangunan pokok Lembaga.

BUNGA ATAS SAHAM BIASA


Lembaga telah mengistiharkan bunga sebanyak 5% setahun ke atas saham biasanya yang berjumlah sebanyak \$167,719,000 (\$167,719,000). Jumlah bayaran bunga yang diistiharkan bagi tahun kajian ini ialah sebanyak \$8,385,950 (\$8,385,950). Setelah ditolak cukai sebanyak 40%, jumlah bersih bunga yang dibayar ialah sebanyak \$5,031,570 (\$5,031,570).

PERBELANJAAN POKOK


Perbelanjaan pokok bagi tahun ini ialah sebanyak \$132,027,835 (\$96,515,634). Perbelanjaan pokok ini telah menjadikan jumlah pelaburan Lembaga di dalam harta-harta tetap (harta dan loji) termasuk kerja-kerja yang sedang berjalan sekarang sebanyak \$1,360,389,610 (\$1,231,311,350). Perbelanjaan pokok bagi tahun 1974 telah dibuat sebahagian daripadanya dari kumpulan wang yang diperolehi dari punca wang dalam negeri dan sebahagian yang lain pula daripada kredit pembekal dan pinjaman-pinjaman luar daripada Bank Dunia (IBRD) dan Kerajaan Malaysia.

(Angka-Angka dalam kurungan menunjukkan perkara-perkara yang sama bagi tahun lepas.)

PERKEMBANGAN MENGENAI PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN



PENDAPATAN 1973 – 1974



7.3¢ LAIN-LAIN PENDAPATAN

92.7¢ JUALAN LETRIK

PERBELANJAAN 1973 – 1974



57.8¢ PERBELANJAAN KENDALIAN

13.8¢ SUSUTAN

11.8¢ BUNGA

6.8¢ CUKAI PENDAPATAN

9.8¢ BAKI DIGUNAKAN UNTUK PEMBIAYAAN DALAM NEGERI



AKAUN HASIL BAGI TAHUN BERAKHIR 31HB OGOS 1974

dengan angka-angka perbandingan bagi tahun berakhir 31hb Ogos 1973

1973			1974		
Sen Seyunit dijual	\$		\$	\$	Sen Seyunit dijual
7.53	236,816,437	Pendapatan dari jualan elektrik	270,902,341		7.74
0.51	16,101,366	Lain-lain Pendapatan	21,405,636		0.61
8.04	252,917,802			292,310,976	8.35
		Totalk: Perbelanjaan Kendalian			
2.42	73,177,364	Penjanaan	130,111,333		3.26
4.61	5,152,223	Leirik dibeli secara borong	5,526,169		4.52
2.49	73,329,582		125,697,467		3.37
0.31	9,832,318	Penghantaran	9,090,997		0.26
0.32	29,783,285	Pengagihan	33,221,925		0.35
0.10	3,255,571	Perkhidmatan Pengguna	3,601,874		0.10
0.22	6,377,756	Membaca jangka, membil & memungut akaun	7,939,172		0.23
0.15	4,635,027	Latihan dan Kebajikan	6,737,229		0.19
0.13	4,111,294	Pentadbiran	4,931,055		0.14
0.26	8,016,445	Perbelanjaan Am	7,724,519		0.23
4.58	143,841,278			209,104,243	5.97
3.46	109,076,524			93,209,722	2.33
		Tambah: Tuntutan ke atas pengecualian cukai kastam, cukai jualan dan cukai tambahan		8,957,358	0.25
3.46	109,076,524			92,167,080	2.33
0.84	26,569,276	Totalk: Bayaran bunga atas Pinjaman-pinjaman		26,107,157	0.75
2.62	82,507,248	Hasil bersih sebelum dikenakan cukai		66,059,929	1.23
0.90	29,354,380	Totalk: Peruntukan untuk cukai		29,000,000	0.57
1.72	54,152,868	Hasil Bersih selepas cukai		46,059,929	1.21
0.16	5,031,570	Totalk: Bayaran bunga atas saham biasa tolak (40% cukai)		5,031,570	0.14
1.56	49,121,298	Hasil Bersih		41,028,359	1.17
0.06	2,000,000	Tambah: Sumbangan yang diletakkan untuk Tabung Amanah Pelajaran L.L.N. yang tidak diperlukan lagi			
1.62	51,121,298	Baki hasil bersih digunakan untuk membiayai keperluan-keperluan pokok:		41,028,359	1.17
		Dipindahkan kedalam			
1.54	49,121,298	Akaun Pembangunan pokok:		37,623,259	1.07
0.08	2,000,000	Cadangan Am		3,405,100	0.10
1.62	51,121,298			41,028,359	1.17

Catitan-catitan mengenai Akaun merupakan bahagian yang lengkap dalam akaun-akaun ini.

KUNCI AKAUN HINGGA PADA 31HB OGOS 1974

dengan angka-angka perbandingan pada 31hb Ogos 1973

1973		1974	
\$		\$	\$
HARTA-HARTA BERSIH			
Harta-Harta Tetap			
1,231,311,350	Hartabenda, loji dan kelengkapan mengikut kos	1,360,389,610	
<u>328,282,057</u>	Tolak: Peruntukan untuk susutan	<u>366,612,520</u>	
903,029,293		993,777,090	
<u>59,241,774</u>	Tolak: Baki akaun sumbangan pengguna	<u>72,686,424</u>	
843,787,519			921,090,666
Harta-Harta semasa			
2,211,520	Bahanapi mengikut kos	10,117,292	
38,955,970	Barang-barang stor mengikut kos	53,020,754	
2,150,383	Kerja bayartuntut yang sedang dibuat mengikut kos	3,067,208	
38,333,953	Siberhutang	66,986,520	
15,946,483	Wang pendahuluan bagi kakitangan	17,317,634	
1,465,785	Pembayaran Pendahuluan	963,799	
150,049,486	Wang tunai di Bank	108,347,467	
<u>65,485</u>	Wang tunai di tangan	<u>88,420</u>	
<u>249,179,065</u>			<u>259,909,094</u>
1,092,966,584			1,180,999,760
Tolak: Tanggungan-Tanggungan Semasa			
127,205,173	Sipiutang, tanggungan-tanggungan terkumpul dan wang-wang		
<u>24,475,214</u>	ditahan jangka pendek bagi kontrak kerja-kerja pokok	153,449,576	
151,680,387	Wang cagaran Pengguna	<u>27,125,050</u>	
<u>941,286,197</u>			180,574,626
			<u>1,000,425,134</u>
MEMBIAYAI SEPERTI BERIKUT			
167,719,000	Saham Biasa		167,719,000
298,891,794	Cadangan-cadangan yang digunakan didalam urusan Lembaga		
23,700,000	Akaun Pembangunan Pokok		336,520,153
<u>450,975,403</u>	Cadangan Am		27,100,000
941,286,197	Pinjaman-Pinjaman		<u>469,085,981</u>
			1,000,425,134

Cautan-catitan mengenai Akaun merupakan bahagian yang lengkap dalam akaun-akaun ini.

TAN SRI ABDUL KADIR BIN SHAMSUDDIN
PengerusiABU ZARIM BIN HAJI OMAR
Pengerus BesarCHAN KAI FOO
Pengawal Kewangan

CATITAN MENGENAI AKAUN 31hb Ogos 1974

Catitan-catitan ini adalah tambahan kepada angka-angka dalam Akaun Hasil dan Muncipal Akaun dan merupakan bahagian yang lengkap dalam akaun tersebut. Laporan Juruodit diterakan di Muka 51.

Catitan 1 – PENUKARAN MATAWANG-MATAWANG LAIN KEPADA RINGGIT MALAYSIA

Pinjaman-pinjaman dalam matawang asing telah ditukarkan kepada ringgit Malaysia mengikut kadar-kadar pertukaran yang berjalan kuasa pada tarikh-tarikh pinjaman itu dikeluarkan atau mengikut kadar-kadar lain yang ditentukan. Lain-lain tanggungan dalam matawang-matawang asing telah ditukar mengikut kadar-kadar lebihkurang sama pertukaran yang berjalan kuasa pada 31hb Ogos 1974.

Pada 31hb Ogos 1974 terdapat harta bersih luarjangka berjumlah kira-kira \$20 juta yang menunjukkan lebihan dari nilai buku pinjaman-pinjaman dalam ringgit Malaysia yang bersamaan dengan banyaknya pinjaman-pinjaman dalam matawang asing yang ditukarkan mengikut kadar-kadar yang berjalan kuasa pada 31hb Ogos 1974.

Catitan 2 – SAHAM BIASA

Dari jumlah \$167,719,000 saham biasa yang dikeluarkan sebanyak \$164,719,000 dipegang oleh Kerajaan Malaysia dan \$3,000,000 dipegang oleh Kerajaan Negeri Pahang.

Catitan 3 – CADANGAN

Lembaga hanya mempunyai dua cadangan yakni cadangan pokok iaitu Akaun Pembangunan Pokok dan cadangan hasil iaitu Cadangan Am. Adalah menjadi dasar Lembaga untuk membuat sumbangan tahunan terhadap Cadangan Amnya supaya ia dapat mengawal Cadangan Am itu pada jumlah wang lebihkurang sama dengan 10% daripada pendapatan tahunan yang diperolehi dari jualan elektrik. Baki hasil yang didapati itu, selepas dibuat sumbangan terhadap Cadangan Am, kemudiannya dimasukkan ke dalam Akaun Pembangunan Pokok. Dengan yang demikian ianya dilaburkan semula untuk membiayai sebahagian besar daripada perbelanjaan-perbelanjaan pokok Lembaga.

Catitan 4 – PINJAMAN-PINJAMAN \$469,085,981

Pinjaman-pinjaman pada 31hb Ogos 1974 mengandungi pinjaman-pinjaman seperti berikut:—

			Tempoh Bayaran Balik
Kerajaan Malaysia	5 peratus	\$ 37,024,502	1955–2019
	5¾ "	6,502,793	1965–1980
	6 "	31,669,803	1964–1988
	6½ "	13,136,256	1976–1995
	Belum diputuskan	8,601,639	1975–1993
	"	5,018,119	1978–2001
	3¼ peratus	3,531,006	1981–1993
Commonwealth Development Corporation	6¼ peratus	37,838,414	1961–1985
Commonwealth Development Finance Company Limited	6¾ "	2,142,850	1970–1979
Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	6 "	7,999,030	1971–1982
Bank Antarabangsa Untuk Pemulihan dan Pembangunan			
Pinjaman 210 MA	5¾ "	51,554,074	1964–1983
Pinjaman 350 MA	5½ "	124,001,004	1968–1988
Pinjaman 458 MA	6 "	69,785,286	1970–1986
Pinjaman 579 MA	6½ "	23,594,272	1973–1988
Pinjaman 700 MA	7 "	24,910,735	1975–1990
Bharat Heavy Electricals Limited, India	5 "	5,598,206	1973–1983
	5½ "	16,177,992	1975–1987
		<u>\$469,085,981</u>	

Bayaranbalik pinjaman-pinjaman dari Commonwealth Development Corporation, Commonwealth Development Finance Co. Ltd., Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Bank Antarabangsa untuk Pemulihan dan Pembangunan dan Bharat Heavy Electricals Limited dijamin oleh Kerajaan Malaysia.

Catitan 5 – TANAH

Termasuk di dalam harta-harta tetap ialah wang sejumlah \$18,866,645 untuk tanah. Jumlah wang ini adalah seperti berikut:—

Tanah Geran Kekal	\$ 7,736,157
Tanah Pajak	11,130,488

Termasuk di dalam kos tanah geran kekal ialah wang sejumlah \$981,962 bagi tanah yang diambilalih daripada Kerajaan di bawah Seksyen 29 Ordinan Letrik yang dahulu mana adalah masih sukar untuk mendapatkan surat-surat hakmilik yang memuaskan.

Catitan 6 – PENDAPATAN DARI JUALAN LETRIK

Sebagaimana dalam tahun-tahun yang sudah, jumlah wang yang dikreditkan ke dalam akaun hasil menunjukkan bayaran-bayaran letrik yang dikira menurut bacaan jangka yang diambil dalam tahun berakhir 31hb Ogos dan oleh itu hasil daripada penggunaan letrik yang tidak dibaca hingga 31hb Ogos 1974 tidak dimasukkan di dalam akaun tersebut.

Catitan 7 – SIPIUTANG \$153,449,576

Perkara ini termasuk sipiutang-sipiutang bagi perbelanjaan pokok berkaitan dengan tambahan-tambahan Port Dickson dan Perai, Peringkat Ketiga Port Dickson, Pembangunan Kuasa Temengor dan Steyen Janaletrik Sultan Ismail – tambahan terakhir yang berjumlah sebanyak \$19,571,790, bunga atas saham biasa dan pinjaman-pinjaman berjumlah \$13,294,461 dan peruncutan untuk cukai sebanyak \$78,657,240.

Catitan 8 – CUKAI

Cukai ke atas lebihan bagi tahun ini telah dikira berdasarkan bunga atas saham biasa dianggap sebagai dividen berikutan dengan pendapat undang-undang yang diberikan oleh Peguam Negara.

Catitan 9 – KERJA-KERJA POKOK YANG TERIKAT

Perbelanjaan kerja-kerja pokok yang akan datang telah dibenarkan oleh Lembaga pada 31hb Ogos 1974 yang berjumlah kira-kira \$671 juta. Daripada jumlah ini sebanyak \$336.8 juta telah diberi kontrak pada tarikh tersebut.

Catitan 10 – PENGECUALIAN DUTI KASTAM, CUKAI JUALAN DAN CUKAI TAMBAHAN

Kerajaan telah bersetuju untuk mengecualikan Lembaga daripada membayar duti-duti kastam, cukai jualan dan cukai tambahan yang berkuatkuasa mulai 1hb Januari 1974 ke atas minyak bahanapi, bahan-bahan dan perlengkapan berikutan dengan Keputusan Kerajaan tidak membenarkan Lembaga mengenakan bayaran perubahan kos bahanapi kepada beberapa kategori pengguna.

LAPURAN JURUODIT**AKAUN BAGI TAHUN BERAKHIR 31HB OGOS 1974****LAPURAN JURUODIT-JURUODIT YANG DILANTIK DI BAWAH SEKSYEN 25(2)
AKTA LETRIK 1949 UNTUK MENGODIT AKAUN
LEMBAGA LETRIK NEGARA TANAH MELAYU**

Kami telah memperolehi semua maklumat dan penerangan yang sepanjang kami ketahui dan percaya adalah perlu untuk tujuan-tujuan audit kami. Pada pendapat kami, buku-buku akaun telah disimpan oleh Lembaga dengan baillnya sepanjang yang kami lihat dari pemeriksaan kami ke atas buku-buku tersebut dan penyata-penyata yang sempurna cukup untuk tujuan menjalankan audit telah diterima dari pejabat-pejabat daerah yang tidak kami lawati.

Kami telah memeriksa akaun hasil dan kunci akaun yang tersebut tadi yang kesemuanya tepat dengan buku-buku akaun dan penyata-penyata. Pada pendapat kami, berdasarkan maklumat dan menurut penerangan-penerangan yang diberikan kepada kami, kunci akaun itu bersama dengan catitan-catitan yang dilampirkan padanya, memberikan gambaran yang betul dan saksama terhadap perjalanan Lembaga sehingga pada 31hb Ogos 1974 dan akaun hasil adalah memberi gambaran yang betul dan saksama bagi hasil-hasil kendaliannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Kuala Lumpur,
26hb Mac, 1975.

PRICE WATERHOUSE & CO.,
Akauntan-Akauntan Berkanun,
Akauntan-Akauntan Awam Bertauliah (Malaysia).

penadbiran akta letrik

Dalam tahun yang dilaporkan Jemaah Pemeriksa Letrik telah menjalankan tugas-tugas yang memuaskan.

Pemasangan-Pemasangan Awam dan Swasta Berlesen

Jumlah bilangan Lesen-lesen Awam dalam kendalian setakat 31hb Ogos 1974 adalah 129. Satu Lesen Awam telah dikeluarkan dan 7 lesen yang berikut telah dibatalkan disebabkan oleh:—

- (1) Penyambungan bekalan L.L.N. pada 1hb September 1973 — Sagil, Muar, Johor.
- (2) Penyambungan bekalan L.L.N. pada 1hb Disember 1973 — Kampung Baru Sri Medan, Johor.
- (3) Penyambungan bekalan L.L.N. pada 1hb April 1974 — Yong Peng, Johor.
- (4) Penyambungan bekalan L.L.N. pada 1hb April 1974 — Pekan Johor, Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
- (5) Penyambungan bekalan L.L.N. pada 25hb Julai 1974 — Sanglang, Pontian, Johor.
- (6) Penyambungan bekalan L.L.N. pada 24hb Ogos 1974 — Sri Gading, Batu Pahat, Johor.
- (7) Penyambungan bekalan L.L.N. pada 24hb Ogos 1974 — Parit Raja, Batu Pahat, Johor.

Jumlah bilangan pemasangan-pemasangan swasta berlesen dalam tempoh kajian laporan ini tetap pada 122. 3 lesen swasta yang baru telah dikeluarkan dan 3 lesen swasta telah dibatalkan.

Pemasangan-Pemasangan Berdaftar

Terdapat tambahan yang serdahana di dalam bilangan pemasangan-pemasangan berdaftar swasta dalam tahun ini. 155 pemasangan baru telah didaftarkan dan 62 pemasangan telah dibatalkan pendaftarannya dan ini menjadikan tambahan bersih sebanyak 93. Jumlah bilangan pemasangan berdaftar di dalam kendalian setakat 31hb Ogos 1974 ialah 1077.

Kemalangan letrik dan kebakaran akibat letrik

Dalam tempoh kajian laporan ini sebanyak 82 kemalangan letrik telah disiasat. 31 orang dan 12 binatang telah mati. Sebab utama kemalangan letrik ini berlaku ialah kerana kecuai, ketidaktahuan, kerosakan radas dan sambungan haram. Sebanyak 105 kebakaran telah dilaporkan yang mana 12 disebabkan oleh kerosakan letrik.

Kontrektor-Kontrektor Pendawaian Letrik Berdaftar

100 kontraktor pendawaian letrik telah didaftar dan 33 telah dibatalkan. Ini menunjukkan tambahan sebanyak 67 kontraktor yang berdaftar. Jumlah bilangan kontraktor pendawaian letrik berdaftar pada penghujung tahun tempoh kajian laporan ini ialah 604.


Perlanggaran terhadap Akta Letrik


7 kes mahkamah telah diambil dalam tahun ini kerana perlanggaran terhadap Akta Letrik 1949. Dari jumlah ini satu kes telah didapati salah. Baki 6 kes masih lagi menunggu tindakan Mahkamah.

Peperiksaan-peperiksaan untuk Penjaga Jentera, Pendawai dan Jurutera-Jurutera Letrik telah dijalankan berperingkat-peringkat di sepanjang tahun. Keputusan-keputusan peperiksaan tersebut adalah seperti berikut:—

Peperiksaan	Perakuan Yang Dikeluarkan Tanpa Peperiksaan	Sijil yang dikeluarkan kepada penuntut-penuntut yang mempunyai sijil-sijil vokesyenal	Jumlah Bil. Permohonan Yang Di Luluskan	Lulus	Gagal	Tidak Hadir
Jurutera Letrik Gred I	27	—	47	8	9	3
Jurutera Letrik Gred II	—	—	12	12	—	—
Penjaga	—	12	241	130	81	18
Penjaga (Pembatalan Sekatan)	—	—	43	30	12	1
Pendawai	—	83	353	142	85	43
Pendawai (Pembatalan Sekatan)	—	—	128	74	48	5
Jumlah	27	95	824	396	235	70

KEMALANGAN-KEMALANGAN LETRIK







Tambahan Kepada Laporan Tahunan ke **25**

1hb September 1973 - 31hb Ogos 1974

LEMBAGA LETRIK NEGARA TANAH MELAYU

KANDUNGAN

	MUKA
KEWANGAN	1 – 21
PERANGKAAAN PERDAGANGAN	22 – 41
LOJI JANAKUASA	42 – 44
SISTEM-SISTEM PENGHANTARAN DAN PENGAGIHAN	45 – 51
BEKALAN-BEKALAN AWAM BERLESEN	52 – 59
BEKALAN LETRIK LUARBANDAR	60 – 66

KEWANGAN

K E W A N G A N

Natijah Kewangan

Pendapatan daripada jualan letrik bagi tahun ini telah bertambah sebanyak 14.4 % menjadi \$270,908,341 (\$236,816,437) dan pendapatan lain sebanyak 32.9% menjadi \$21,405,635 (\$16,101,365). Jumlah pendapatan bagi tahun ini ialah sebanyak \$292,313,976 (\$252,917,802) iaitu tambahan sebanyak 15.6%. Perbelanjaan-perbelanjaan kendalian termasuk susutan telah bertambah sebanyak 45.4% menjadi \$209,104,248 (\$143,841,278). Ini menjadi lebih kendalian sebanyak \$83,209,728 (\$109,076,524)

Tambahan peratusan yang tinggi di dalam perbelanjaan-perbelanjaan kendalian adalah disebabkan kenaikan harga-harga minyak dalam bulan Januari 1974. Kos-kos minyak bahanapi naik dari \$40,861,269 dalam tahun 1972/73 ke \$99,207,285 dalam tahun 1973/74. Sungguhpun sebahagian besar daripada tarif perindustrian Lembaga mempunyai fasal bayaran perubahan kos bahanapi otomatis, Lembaga tidak menguatkuasakan fasal ini demi menyokong dasar anti-inflasi Kerajaan. Walau bagaimanapun Lembaga telah mengenakan bayaran perubahan bahanapi kepada pengguna-pengguna Tarif Blok Kediaman bagi penggunaan letrik melebihi 150 yunit sebulan termasuk juga mereka yang diberi tarif-tarif Angkatan Tentera dan lampu Awam untuk mendapatkan balik bahagian yang kecil terhadap tambahan kos bahanapi yang banyak itu. Untuk mengurangkan tambahan yang banyak terhadap kos kendalian yang dialami oleh Lembaga, Kerajaan telah memberi kepada Lembaga pengecualian daripada duti minyak bahanapi, duti kastam, cukai tambahan dan cukai jualan ke atas bahan-bahan dan kelengkapan yang berkuatkuasa mulai 1hb. Januari 1974.

Bagi lebih kendalian sebanyak \$83,209,728, sebanyak \$8,957,358 yang merupakan tuntutan-tuntutan terhadap pengecualian duti kastam, cukai jualan dan cukai tambahan telah dicampur dan ini menjadikan lebih kendalian sebanyak \$92,167,086 (\$109,076,524). Setelah ditolak bunga yang dibayar ke atas pinjaman-pinjaman sebanyak \$26,107,157 (\$26,569,276) dan menyimpan peruntukan untuk cukai sebanyak \$20,000,000 (\$28,354,380) dan bunga yang dibayar ke atas saham biasa sebanyak \$5,031,570 (\$5,031,570), maka hasil bersih ialah sebanyak \$41,028,359 (\$51,121,298). Jumlah wang ini telah dipindahkan ke dalam cadangan-cadangan dan dipegang hanya semata-mata untuk membiayai rancangan pembangunan pokok Lembaga.

Bunga atas Saham Biasa

Lembaga telah mengistiharkan bunga sebanyak 5% setahun ke atas saham biasanya yang berjumlah sebanyak \$167,719,000 (\$167,719,000). Jumlah bayaran bunga yang diistiharkan bagi tahun kajian ini ialah sebanyak \$8,385,950 (\$8,385,950). Setelah ditolak cukai sebanyak 40%, jumlah bersih bunga yang dibayar ialah sebanyak \$5,031,570 (\$5,031,570).

Perbelanjaan Pokok

Perbelanjaan pokok bagi tahun ini ialah sebanyak \$132,027,835 (\$96,515,634). Perbelanjaan pokok ini telah menjadikan jumlah pelaburan Lembaga di dalam harta-harta tetap (harta dan loji) termasuk kerja-kerja yang sedang berjalan sekarang sebanyak \$1,360,389,610 (\$1,231,311,350). Perbelanjaan pokok bagi tahun 1974 telah dibuat sebahagian daripadanya dari kumpulan wang yang diperolehi dari punca wang dalam negeri dan sebahagian yang lain pula daripada kredit pembekal dan pinjaman-pinjaman luar daripada Bank Dunia (IBRD) dan Kerajaan Malaysia.

(Angka-Angka dalam kurungan menunjukkan perkara-perkara yang sama bagi tahun yang lepas)

dengan angka-angka perbandingan bagi tahun berakhir 31hb Ogos 1973

Catitan-catitan mengenai Akaun merupakan bahagian yang lengkap dalam akaun-akaun ini.

KUNCI AKAUN HINGGA PADA 31HB OGOS 1974

dengan angka-angka perbandingan pada 31hb Ogos 1973

1973				1974	
\$				\$	\$
HARTA-HARTA BERSIH					
Harta-Harta Tetap					
1,231,311,350	Hartabenda, loji dan kelengkapan mengikut kos	...	...	1,360,389,610	
328,282,057	Tolak: Peruntukan untuk susutan	...	...	366,612,520	
903,029,293				993,777,090	
59,241,774	Tolak: Baki akaun sumbangan pengguna	...	...	72,686,424	
843,787,519					921,090,666
Harta-Harta semasa					
2,211,520	Bahanapi mengikut kos	...	...	10,117,292	
38,955,970	Barang-barang stor mengikut kos	...	...	53,020,754	
2,150,383	Kerja bayartuntut yang sedang dibuat mengikut kos	...	...	3,067,203	
38,333,953	Siberhutang	...	...	66,986,520	
15,946,483	Wang pendahuluan bagi kakitangan	...	...	17,317,634	
1,465,785	Pembayaran Pendahuluan	...	...	963,799	
150,049,486	Wang di Bank	...	...	108,347,467	
65,485	Wang tunai di tangan	...	...	88,420	
249,179,055					259,909,094
1,092,966,584					1,180,999,760
Tolak: Tanggungan-Tanggungan Semasa					
Sipiutang, tanggungan-tanggungan terkumpul dan wang-wang					
127,205,173	ditahan jangka pendek bagi kontrak kerja-kerja pokok	...	...	153,449,576	
24,475,214	Wang cagaran Pengguna	...	...	27,125,050	
151,680,387					180,574,626
941,286,197					1,000,425,134
MEMBIAYAI SEPERTI BERIKUT					
167,719,000	Saham Biasa	...	...		167,719,000
Cadangan-cadangan yang digunakan di dalam urusan Lembaga					
293,891,794	Akaun Pembangunan Pokok	...	...		336,520,153
23,700,000	Cadangan Am	...	...		27,100,000
450,975,403	Pinjaman-Pinjaman	...	...		469,085,981
941,286,197					1,000,425,134

Catitan-catitan mengenai Akaun merupakan bahagian yang lengkap dalam akaun-akaun ini.

TAN SRI ABDUL KADIR BIN SHAMSUDDIN
Pengerusi

ABU ZARIM BIN HAJI OMAR
Pengurus Besar

CHAN KAI FOO
Pengawal Kewangan

CATITAN MENGENAI AKAUN 31hb Ogos 1974

Catitan-catitan ini adalah tambahan kepada angka-angka dalam Akaun Hasil dan Kunci Akaun dan merupakan bahagian yang lengkap dalam akaun tersebut. Laporan Juruodit diterakan di Mukla 8.

Catitan 1 — PENUKARAN MATAWANG-MATAWANG LAIN KEPADA RINGGIT MALAYSIA

Pinjaman-pinjaman dalam matawang asing telah ditukarkan kepada ringgit Malaysia mengikut kadar-kadar pertukaran yang berjalan kuasa-kuasa pada tarikh-tarikh pinjaman itu dikeluarkan atau mengikut kadar-kadar lain yang ditentukan. Lain-lain tanggungan dalam matawang-matawang asing telah ditukar mengikut kadar-kadar lebihkurang sama pertukaran yang berjalan kuasa-kuasa pada 31hb Ogos 1974.

Pada 31hb Ogos 1974 terdapat harta bersih luarjangka berjumlah kira-kira \$20 juta yang menunjukkan lebih dari nilai buku pinjaman-pinjaman dalam ringgit Malaysia yang bersamaan dengan banyaknya pinjaman-pinjaman dalam matawang asing yang ditukarkan mengikut kadar-kadar yang berjalan kuasa-kuasa pada 31hb Ogos 1974.

Catitan 2 — SAHAM BIASA

Dari jumlah \$167,719,000 saham biasa yang dikeluarkan sebanyak \$164,719,000 dipegang oleh Kerajaan Malaysia dan \$3,000,000 dipegang oleh Kerajaan Negeri Pahang.

Catitan 3 — CADANGAN

Lembaga hanya mempunyai dua cadangan yakni cadangan pokok iaitu Akaun Pembangunan Pokok dan cadangan hasil iaitu Cadangan Am. Adalah menjadi dasar Lembaga untuk membuat sumbangan tahunan terhadap Cadangan Amnya supaya ia dapat mengawal Cadangan Am itu pada jumlah wang lebihkurang sama dengan 10% daripada pendapatan tahunan yang diperolehi dari jualan letrik. Baki hasil yang didapati itu, selepas dibuat sumbangan terhadap Cadangan Am, kemudiannya dimasukkan ke dalam Akaun Pembangunan Pokok. Dengan yang demikian ianya dilaburkan semula untuk membiayai sebahagian besar daripada perbelanjaan-perbelanjaan pokok Lembaga.

Catitan 4 — PINJAMAN-PINJAMAN

Pinjaman-pinjaman pada 31hb Ogos 1974 mengandungi pinjaman-pinjaman seperti berikut:-

						Tempoh Bayaran Balik
Kerajaan Malaysia	...	...	...	5 peratus	\$ 37,024,502	1955-2019
				$5\frac{3}{4}$ "	6,502,793	1965-1980
				6 "	31,669,803	1964-1988
				$6\frac{1}{2}$ "	13,136,256	1976-1995
				Belum diputuskan	8,601,639	1975-1993
				"	5,018,119	1978-2001
				$3\frac{1}{4}$ peratus	3,531,006	1981-1993
